

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR  
**AKNC**





# LAPORAN

## ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

### 2024

#### KOLEJ PENGAJIAN SENI KREATIF PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

---

**KETUA PTJ :**

RUSMADIAH BIN ANWAR

**KETUA UNIT KUALITI :**

SHAHRUL AINA BT. OMAR

**PENYELARAS :**

**PENULIS :**

1. SHAMSOL KAMAL BIN SHRIFFUDIN
2. SHAMSOL KAMAL BIN SHRIFFUDIN
3. SHAHRUL AINA BT. OMAR
4. SHAHRUL AINA BT. OMAR
5. AIMI NABILA BINTI ANIZAIM
6. AIMI NABILA BINTI ANIZAIM
7. NURUL IZZA BINTI AB AZIZ

8. ABDUL WALID BIN ALI
9. KENCHANA WATI BINTI MD YUSOF
10. KENCHANA WATI BINTI MD YUSOF
11. NOR AZLIN BINTI HAMIDON
12. NOORSHAHIRA BINTI MOHD FADZIL
13. SITI NORMALA BINTI HAMZAH
14. MOHD FADIL BIN YUSOF
15. MUHAMMAD SUKOR BIN ROMAT
16. JUITA JAAFAR MANAP
17. NOORHASLINDA BINTI MOHAMAD ALI
18. SHAMSIAH BT SHAMSUDIN
19. ZULIYANTI HANIZAN BINTI AINUL AZYAN
20. ZAHIR ALAUDDIN BIN ABD HAMID
21. KAMISAH BINTI YAHAYA
22. WAN ZAMANI BIN WAN ZAKARIA
23. NADIA WIDYAWATI BINTI MADZHI
24. NOOR ASHRAF BIN NOOR OTHMAN
25. RAYNER NAILI
26. ZULKIFLI BIN ROMLI
27. SITI HAJAR BINTI MOHAMAD SEPERAH
28. IZRA INNA BINTI MD IDRIS
29. NURUL SHAFINAZ BINTI IBRAHIM
30. AMANINA ALWANI BINTI BADARUDDIN
31. AINOLNAIM BIN AZIZOL
32. MUHAMAD FAHMI BIN AHMAD
33. PRINSES SALIANG
34. PRINSES SALIANG
35. MUJAHIDAH BINTI MOHD MISBAHUL MUNIR
36. MUHAMMAD NAZMI BIN ANUAR

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kepimpinan universiti merupakan elemen penting dalam membentuk masa depan pendidikan tinggi dan memberi impak yang besar kepada pembangunan masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Struktur kepimpinan institusi pengajian tinggi yang mantap akan memastikan kesemua aspek strategik diambil perhatian, dirancang, dilaksana dan dipantau dengan baik. Antara aspek utama yang dalam kepimpinan universiti adalah visi dan strategi, kualiti pendidikan dan penyelidikan, keusahawanan dan pembangunan institusi, pengurusan krisis dan pembangunan bakat yang mapan.

Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) yang ditubuhkan dan mula beroperasi pada 3 Februari 2021 berdasarkan kepada saranan inisiatif bagi *Strategic Theme 7 Agile Governance; 108. Establishing a superstructure organisation through the merging of faculties, based on clusters.* Berasaskan kepada inisiatif ini, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka (FSSR/AD), Fakulti Muzik(FMu/ MU) dan Fakulti Filem, Teater dan Animasi (FiTA/ FF) telah terlibat dengan penstrukturran fakulti dan digabungkan menjadi Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK). Penggabungan ini juga melibatkan tiga lokasi kampus iaitu kampus Shah Alam, Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana.

Penstrukturran dan pembentukan Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) dilaksanakan dengan merujuk kepada Manual Tadbir Urus Pengurusan Kolej Pengajian UiTM. Berdasarkan tadbir urus yang ditetapkan, struktur bagi pengurusan kanan KPSK ditetapkan seperti berikut :

- i. Penolong Naib Canselor
- ii. Dekan Akademik & Antarabangsa
- iii. Dekan Hal Ehwal Pelajar
- iv. Dekan Penyelidikan & Inovasi
- v. Dekan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni
- vi. Ketua Pentadbiran
- vii. Ketua Unit Kualiti & Strategi
- viii. Ketua Kewangan

Kepimpinan dibawah bidang tumpuan utama diperkuuhkan lagi dengan pelantikan Dekan Hal Ehwal Pelajar sebagai Ketua Jabatan dan dibantu dengan dua (2) orang ketua bahagian iaitu Ketua Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar dan Ketua Kesejahteraan dan Kebajikan. Kedua-dua Ketua ini masing-masing dibantu oleh satu (1) orang Koordinator dan dua (2) orang penyelaras. Bagi menyemarakkan minat dan kecenderungan pelajar dalam bidang keusahawanan, tiga (3) orang Koordinator dilantik bagi menyelaras aktiviti keusahawanan di tiga kampus terlibat.

Pengurusan kanan juga secara cakna menggalakkan penglibatan dan sesi libat urus pengurusan dalam pelaksanaan aktiviti bidang tumpuan. Sesi turun padang, libat urus pihak berkepentingan, perancangan aktiviti bidang tumpuan yang berfokus dan pengurusan kewangan yang mapan memalinkan peranan yang penting dalam keberkesanannya kepimpinan dalam

PERITAKUAN SESUAI UYGARISASI.

Pengurusan Kanan KPSK dan pasukan penggerak di Pejabat Hal Ehwal Pelajar sentiasa bekerjasama dan bergerak dalam momentum yang sama dalam memastikan pelaksanaan aktiviti pelajar dilaksanakan mengikut garis panduan dan perancangan yang telah ditetapkan. Pemantauan dan pelaporan aktiviti yang telah dilaksanakan dikemaskini secara berkala bagi memastikan pencapaian PI direkod dengan baik

## **1.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Pengurusan KPSK bertindak selari dengan perkembangan zaman kini yang pantas, efektif dan menyeluruh melalui media massa dan mana-mana kaedah yang relevan bagi menghasilkan tindakan dan hasil yang berimpak.

### **1. Kepimpinan Turun Padang (*Engagement*)**

Pengurusan kanan KPSK meneruskan pendekatan turun padang (*engagement*) untuk menyantuni, berkongsi maklumat disamping menjalin hubungan yang positif dan mesra bersama semua warga KPSK di semua kampus. (bukti 1.2.1)

### **2. Perancangan Bidang Tumpuan Secara Berfokus**

Pengurusan KPSK telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan membuat perancangan bidang tumpuan secara lebih objektif, berfokus dan tersusun melalui projek berikut (bukti 1.2.2):

#### i. CCA *Patriotism & ESI-iDART Program*

Objektif: Menanam sikap kesedaran patriotik dan nilai-nilai murni dalam diri pelajar

#### ii. CCA's "A" Star Students

Objektif: Meningkatkan kebolehpasaran pelajar

#### iii. CCA Student-preneur

Objektif: Mendidik pelajar menjadi usahawan Berjaya

#### iv. CCA Global Outreach

Objektif: Mengetengahkan potensi pelajar sehingga ke peringkat antarabangsa

### **3. Keterlibatan Menyeluruh (*Top – Down*)**

Pengurusan KPSK telah menekan penglibatan semua warga secara menyeluruh bagi memastikan bidang tumpuan dapat dicapai sepenuhnya. Arahan keterlibatan semua warga ini telah disampaikan secara bersemuka di pertemuan berikut (bukti 1.2.3):

#### i. Amanat Penolong Naib Canselor KPSK 2023

#### ii. Konvensyen KPSK 2023

#### iii. Mesyuarat diperingkat Pengajian/Jabatan

### **4. Memaksimakan Faedah MoU / MoA**

Pengurusan KPSK telah mengambil inisiatif dengan mengukuhkan lagi jaringan bersama pihak

institusi, institusi pendidikan (dalam & luar negara), agensi kerajaan dan komuniti untuk meningkatkan pencapaian bidang tumpuan.

Pada tahun 2023, dua puluh (20) MoU, dua (2) MoA dan dua (2) LOI baharu telah berjaya ditandatangani. Dengan ini, KPSK telah berhasil membiayai sebahagian kos penganjuran aktiviti pelajar, mempromosi kebolehan dan ketrampilan pelajar serta meningkatkan imej Universiti di peringkat antarabangsa. Antara aktiviti melalui MoU/MoA yang dijalankan adalah (bukti 1.2.4):

i. Persembahan Teater Muzikal Che Yah Tanjong Malim

MoU bersama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (JKKN)

ii. Program Keretapi Sarong 2023

MoU bersama LOCCO Malaysia

iii. *Degree Show Exhibition of the Final Year Project 'REFORMETAL'*

MoU bersama Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT)

iv. *Program Academic Upskilling Attachment Programme*

MoU bersama STMIK Royal Indonesia

v. Pameran Metaverse

MoU bersama Teesside University, United Kingdom

vi. Pameran Chromastre

MoU bersama Jabatan Muzium Malaysia (JMM)

vii. Sesi Webinar Mek Mulung

Strategi Ke Arah Pengiktirafan Antarabangsa : MoU Bersama Institut Seni Indonesia, Yogyakarta (ISI JOGJA)

viii. PSG Jewellery Design Award 2023

MoU Bersama Penang Goldsmith and Jewellers Association (PGJA)

## **5. Sokongan Sumber Kewangan yang Mencukupi**

Cabarani terbesar yang dikenalpasti pada tahun 2023 ialah kekangan peruntukan kewangan untuk menjalankan program/aktiviti bidang tumpuan (Bukti 1.2.5).

Pada tahun 2023, KPSK hanya diperuntukan RM107,101.00 melalui vot akaun Keraian Pelajar (29413) sebanyak RM77,983.00 dan vot akaun Aktiviti Pelajar (Sukan)(29414) sebanyak RM29,118.00. Peruntukan ini telah menyusut sebanyak 64.60% berbanding peruntukan diterima pada tahun 2022 berjumlah RM165,688.00 (bukti 1.2.5).

Berikut itu, Pengurusan KPSK telah melaksanakan pengagihan semula peruntukan dengan kaedah sekat/tambah dari vot akaun lain untuk membolehkan peruntukan bidang tumpuan dapat dinaikkan kepada RM150,000.00 bagi memastikan semua aktiviti bidang tumpuan yang dirancang dapat direalisasikan.

Pengurusan KPSK melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar (TAP) memastikan penggunaan peruntukan kearah penjimatan dan kos efektif.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_K01\\_KB02\\_20241\\_KPSK\\_1.2.a\\_kepimpinan.pdf](#)
2. [B0082\\_K01\\_KB02\\_20242\\_KPSK\\_1.2.a\\_kepimpinan.pdf](#)
3. [B0082\\_K01\\_KB02\\_20243\\_KPSK\\_1.2.3\\_kepimpinan.pdf](#)
4. [B0082\\_K01\\_KB02\\_20244\\_KPSK\\_1.2.3a\\_kepimpinan.pdf](#)
5. [B0082\\_K01\\_KB02\\_20245\\_KPSK\\_1.2.5\\_kepimpinan.pdf](#)

### **1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Pengurusan KPSK amat menyedari akan kepentingan perluasan bidang tumpuan kepada semua warga bermula dengan perkongsian objektif dan inisiatif perancangan strategik sehingga ke maklumat aktiviti serta hasil pencapaian bidang tumpuan bagi membolehkan semua warga terlibat dalam proses mencapai hasil bidang tumpuan.

#### **1. Bengkel Perancangan Strategik**

Pengurusan KPSK pada tahun 2023 telah mengambil pendekatan secara *down top*, dimana semua Pengajian dan Pejabat Dekan telah diminta mengadakan mini bengkel perancangan strategik dan dapatkan hasil dibentang kepada Pengurusan KPSK.

Pendekatan ini bagi membolehkan lebih ramai warga KPSK dapat terlibat untuk menyumbang idea kearah pencapaian bidang tumpuan. Antara bengkel yang telah diadakan adalah (Bukti 1.3.1):

- i. Bengkel Perancangan Strategik Konservatori Muzik (2 & 3 Mac 2023)
- ii. Bengkel Penyediaan Pelan Strategik dan Garis Panduan & Kriteria Tabung Amanah Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Kolej Pengajian Seni Kreatif (28 & 29 Mac 2023)

#### **2. Amanat PNC KPSK 2023**

PNC KPSK telah menyampaikan amanat beliau pada 31 Mac 2023 kepada semua warga. Kandungan amanat beliau telah menyentuh hala tuju, perancangan strategik KPT, UiTM dan KPSK, aktiviti dan pencapaian termasuk bidang tumpuan sepanjang tahun 2022 dan perancangan aktiviti yang akan dijalankan pada tahun 2023. Program yang telah diadakan di Dewan Seri Budiman ini telah dihadiri seramai 308 orang warga KPSK termasuk dari kampus cawangan (secara atas talian) (Bukti 1.3.2).

#### **3. Sesi Bersama PNC di Kampus Cawangan**

PNC bersama Pengurusan kanan KPSK telah menyantuni semua warga KPSK di kampus Cawangan. Ini bertujuan bagi memastikan penyaluran maklumat yang jelas dan tepat termasuk mendapatkan maklumbalas terus daripada semua warga.

Antara maklumbalas yang diterima adalah pemantapan tadbir urus, penyaluran komunikasi lebih luas dan pantas, penglibatan dalam aktiviti/program di Shah Alam, peluang aktiviti penyelidikan dan lain-lain. Berikut adalah sesi yang dijalankan bagi tahun 2023 (Bukti 1.3.3):

- i. UiTM Cawangan Melaka - 22 Mac 2023
- ii. UiTM Kampus Puncak Perdana - 12 Mei 2023
- iii. UiTM Kampus Puncak Alam - 17 Mei 2023
- iv. UiTM Cawangan Kedah - 11 Jun 2023

- v. UiTM Cawangan Kelantan - 18 Jun 2023
- vi. UiTM Cawangan Perak- 21 Jun 2023
- vii. UiTM Cawangan Sarawak - 10 Julai 2023

#### **4. Medium Rasmi Penyebaran Maklumat**

Penggunaan platform atas talian dan sosial telah dimanfaatkan sepenuhnya melalui penwujudan media rasmi KPSK berikut (Bukti 1.3.4):

- i. Laman sesawang (<https://kpsk.uitm.edu.my/>)
- ii. Facebook (<https://www.facebook.com/ccauitm>)
- iii. Instagram (<https://www.instagram.com/ccauitm/> )
- iv. Youtube (<https://www.youtube.com/@ccauitmchannel3802> )
- v. Whatapps group (KPSK UiTM, Team KPSK Admin)

#### **5. Perkhidmatan Atas Talian**

Untuk memastikan penyebaran maklumat yang meluas, pantas dan menjangkau semua pelajar KPSK, Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) KPSK telah menyediakan *google sites* dikenali *CCA Student Affairs One Stop Centre* (<https://sites.google.com/view/hepkpsk/home>) untuk memudahkan capaian langsung kepada perkhidmatan bidang tumpuan (Bukti 1.3.5).

Laman ini menyediakan perkhidmatan dan maklumat seperti tatacara dan panduan permohonan, perkhidmatan memuat turun borang/dokumen/surat, penghantaran laporan aktiviti pelajar, permohonan tuntutan program, sewaan kenderaan dan lain-lain berkaitan bidang tumpuan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_K01\\_KB03\\_20241\\_KPSK\\_1.3.1\\_kepimpinan.pdf](#)
2. [B0082\\_K01\\_KB03\\_20242\\_KPSK\\_1.3.2\\_kepimpinan.pdf](#)
3. [B0082\\_K01\\_KB03\\_20243\\_KPSK\\_1.3.3\\_kepimpinan.pdf](#)
4. [B0082\\_K01\\_KB03\\_20244\\_KPSK\\_1.3.4\\_kepimpinan.pdf](#)
5. [B0082\\_K01\\_KB03\\_20245\\_KPSK\\_1.3.5\\_kepimpinan.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Ketua Unit Kualiti & Strategik (KUKS) KPSK telah dipertanggungjawabkan secara langsung oleh Pengurusan KPSK untuk memantau pencapaian bidang tumpuan secara berkala dan berterusan.

#### **1. Pelaporan Pencapaian PI**

Pelaporan bulanan status pencapaian PI bidang tumpuan kepada perhatian Pengurusan KPSK termasuk di Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Kolej Pengajian (JEK) (Bukti 1.4.1a).

#### **2. Penggunaan UiTM Strategic Management System**

Pengarah PI yang dilantik telah memantau perlaksanaan/pencapaian PI melalui sistem UiTM Strategic Management System (UiSMS) (<https://uimsms.uitm.edu.my/>) secara berkala.

Peringatan dan pemantauan tindakan pengemaskinian pencapaian projek masing-masing dalam sistem UiSMS mengikut garis masa yang ditetapkan (Bukti 1.4.1b).

#### **3. Mengenalpasti Pencapaian Terdahulu**

Pengurusan KPSK telah mengambil kira pelaporan pencapaian bidang tumpuan tahun 2022 semasa mengubal perancangan aktiviti bidang tumpuan pada Bengkel Perancangan Strategik KPSK tahun 2023.

Kumpulan penyedia dokumen perancangan aktiviti bidang tumpuan juga telah membuat pemetaan kepada dokumen yang dibekalkan supaya perancangan adalah selari dan memenuhi misi dan visi KPSK, UiTM, KPT dan Negara antara dokumen tersebut adalah (Bukti 1.4.1c):

- 8 Feb 2023
- i. Dokumen UiTM Globally Marketable 2023
  - ii. Slaid Pembentangan Naib Canselor pada 8 Feb 2023
  - iii. Slaid Persediaan Audit Pematuhan Swaakreditasi Universiti pada
  - iv. Resolusi Kolej Pengajian Seni Kreatif Tahun 2022
  - v. Slaid Amanat Naib Canselor UiTM Tahun 2023
  - vi. Dokumen Pelan Perancangan Strategik UiTM UiTM 2025
  - vii. Dokumen Nilai ESI & i-DART UiTM
  - viii. Malaysia Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education)
  - ix. National Policy on Industry 4.0
  - x. The Global Goals for Sustainable Development

#### **4. Pemantauan oleh Pejabat HEP KPSK**

Pejabat HEP KPSK selaku pihak bertanggungjawab terhadap bidang tumpuan telah mengambil inisiatif membuat pemantauan melalui semakan terhadap pencapaian objektif perlaksanaan program daripada laporan aktiviti yang diterima selepas program/aktiviti dijalankan.

Pejabat HEP KPSK juga telah menyediakan google sites iaitu *CCA Student Affairs One Stop Centre* (<https://sites.google.com/view/hepkpsk/home>) untuk memudahkan pelajar menghantar laporan aktiviti pada bila-bila masa dan secara atas talian (Bukti 1.4.1d).

## **5. Pemantapan Tadbir Urus**

Pengurusan KPSK telah mengambil langkah memantapkan lagi tadbir urus selaras dengan Manual Tadbir Urus 1 UiTM: Multisistem, Pengoperasian Kolej Pengajian UiTM edisi Tahun 2021 melalui penubuhan Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik Kolej Pengajian (Bukti 1.4.1e).

Dengan penubuhan jawatankuasa ini diharap dapat membantu KPSK memantau pencapaian bidang tumpuan secara lebih berkesan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20241\\_KPSK\\_1.4.1\\_kepimpinan.pdf](#)
2. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20242\\_KPSK\\_1.4.1b\\_kepimpinan.pdf](#)
3. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20243\\_KPSK\\_1.4.1c\\_kepimpinan.pdf](#)
4. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20244\\_KPSK\\_1.4.1d\\_kepimpinan.pdf](#)
5. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20245\\_KPSK\\_1.4.1e\\_kepimpinan.pdf](#)

#### **1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Mendepani isu berkaitan pengurusan risiko di KPSK, Pengurusan kanan telah mengatur langkah dengan memperkemaskan tadbir urus risiko, merekodkan maklumat risiko secara lebih sistematik, mengenalpasti risiko bidang tumpuan dan melaksanakan pelan mitigasi dan penilaian semula risiko.

##### **1. Tadbir Urus Risiko**

Penyelaras Pengurusan Risiko (PPR) telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan proses penyediaan daftar risiko, pemantauan aktiviti pengurusan risiko, langkah-langkah mitigasi dan penilaian semula tahap risiko bidang tumpuan. Beliau telah dibantu oleh staf Unit Kualiti dan Strategik dibawah pengawasan Ketua Unit Kualiti dan Strategik (KUKS).

##### **2. Mendaftarkan Risiko Bidang Tumpuan dalam Sistem eRMS**

Senarai risiko berkaitan bidang tumpuan telah didaftarkan dalam Sistem eRMS yang dibangunkan oleh Unit Pengurusan Risiko UiTM. Sebanyak tiga (3) risiko kategori Reputasi berkaitan bidang tumpuan telah dikenalpasti dan disenaraikan:

- i. Pelajar lemah dalam berkomunikasi, kemahiran ICT, bahasa Inggeris dan kepimpinan (Tahap Risiko: Medium)
- ii. Masalah kewangan yang dihadapi oleh pelajar (Tahap Risiko: Tinggi)
- iii. Kebajikan pelajar tidak terurus (Tahap Risiko: Tinggi)

Daftar risiko ini dikemaskini dua (2) kali setahun pada pertengahan dan akhir tahun oleh PPR berpandukan maklumbalas dan laporan daripada Pemunya Tindakan iaitu Dekan (Hal Ehwal Pelajar).

##### **3. Mengenal Pasti Risiko Semasa Bengkel Perancangan Strategik**

Berdasarkan kaedah sumbangsaran yang dijalankan semasa Bengkel Penyediaan Pelan Strategik dan Garis Panduan & Kriteria Tabung Amanah Pelajar oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Kolej Pengajian Seni Kreatif pada 28 & 29 Mac 2023, risiko utama berkaitan bidang tumpuan telah dikenalpasti iaitu kekangan peruntukan kewangan untuk menjalankan aktiviti/program mencapai sasaran bidang tumpuan. Ini berikutan tren agihan peruntukan kewangan kepada PTJ oleh Universiti telah menguncup dengan ketara.

Hasilnya, Pengurusan KPSK telah mengusahakan penambahan peruntukan aktiviti pelajar sehingga RM150,000.00 berbanding hanya diperuntukan RM107,101.00 oleh Universiti pada awal Januari 2023. Pengurusan KPSK juga dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar (TAP) telah mengambil pendekatan:

- i. Menjalankan tapisan awal permohonan aktiviti dan perbelanjaan

dalam mesyuarat Pra-TAP.

- ii. Menyemak dengan teliti semua permohonan perbelanjaan program kepada perbelanjaan yang hanya benar-benar diperlukan Sahaja.
- iii. Mengurangkan perbelanjaan jamuan makanan dan penginapan
- iv. Tidak membiayai perbelanjaan percetakan, kain rentang dan *Backdrop*, laporan program & gambar aktiviti.
- v. Menghadkan jumlah bayaran honorarium dan cenderamata kepada penceramah.

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20241\\_KPSK\\_1.4.2a\\_kepimpinan.pdf](#)
2. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20242\\_KPSK\\_1.4.2b\\_kepimpinan.pdf](#)
3. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20243\\_KPSK\\_1.4.2ci\\_kepimpinan.pdf](#)
4. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20244\\_KPSK\\_1.4.2b\\_kepimpinan.pdf](#)
- 5.

### **1.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Pengurusan kanan KPSK telah mengkaji semula dan mengambil tindakan penambahbaikan daripada hasil analisa, maklumbalas warga, aduan pelanggan mahupun penambahbaikan laporan audit yang diterima secara berterusan.

#### **a. Bengkel Perancangan Strategik KPSK**

Pada tahun 2023, hasil pencapaian bidang tumpuan pada tahun 2022 telah dibentangkan untuk semakan dan kajian semula.

Pejabat Dekan HEP telahpun merangka tindakan penambahbaikan bagi menangani halangan terdahulu yang dihadapi untuk memastikan pencapaian hasil bidang tumpuan pada tahun 2023 tercapai sepenuhnya. Contoh halangan utama adalahkekangan jumlah peruntukan kewangan bagi menjalankan aktiviti menyokong bidang tumpuan.

#### **b. Pembentangan Hasil Pencapaian Bidang Tumpuan**

Hasil pencapaian bidang tumpuan telah dibentangkan di Mesyuarat JKE, Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Maklumat Strategik Kolej Pengajian secara berkala untuk dibincangkan dan penyediaan cadangan penambahbaikan.

Usaha penambahbaikan juga telah dikongsi oleh PNC atau Pengurusan KPSK bersama warga dalam sesi Amanat Penolong Naib Canselor KPSK 2023, Konvensyen KPSK 2023 dan Mesyuarat diperingkat Pengajian/Jabatan.

#### **c. Tindakan Penambahbaikan yang Diambil**

Berdasarkan tindakan penambahbaikan yang diambil telah membawa hasil seperti berikut:

i. Penambahan bilangan aktiviti bidang tumpuan diperingkat kebangsaan dan antarabangsa antaranya:

- a. Penang International Innovation, Invention and Design (PIID2023)
- b. HONOR Talents Global Design Awards
- c. Program Keretapi Sarong '23
- d. 14th UiTM-Klpac Malaysian Composers Concert Series 2023
- e. AEON Fashion Preview 2023

ii. Tren peningkatan jumlah aktiviti pelajar

Pada tahun 2023 jumlah aktiviti pelajar berkaitan bidang tumpuan adalah sebanyak 258 aktiviti berbanding 197 aktiviti pada tahun 2022 iaitu kenaikan 30.09%.

Jumlah pelajar yang terlibat dalam aktiviti bidang tumpuan juga telah meningkat sebanyak 1.6% iaitu seramai 12,286 orang pelajar pada tahun 2022 kepada 12,490 orang pelajar pada tahun 2023.

iii. Peningkatan pencapaian PI

Secara keseluruhannya jumlah PI bidang tumpuan yang mencatatkan pencapaian 100% pada tahun 2023 hanya 10 berbanding 11 pada tahun 2022, terdapat kenaikan peratus PI pada tahun semasa (2023) berbanding tahun sebelumnya (2022) seperti berikut:

- a. Kenaikan 67% bagi PI022 – *Number of business projects funded by start-up investors, venture investors, public funding entities, government agency grants and entrepreneurship-related pitching competition prizes.*
- b. Kenaikan 42% bagi PI026 - *The number of students involved in IPT's Innovation and Technology-based programmes.*

Kenaikan 39% bagi PI029 - *Number of leadership programmes*

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20241\\_KPSK\\_1.4.3a\\_kepimpinan.pdf](#)
2. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20242\\_KPSK\\_1.4.3b\\_Kepimpinan.pdf](#)
3. [B0082\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20243\\_KPSK\\_1.4.3c\\_kepimpinan.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Salah satu objektif penubuhan kolej pengajian di UiTM adalah bagi meningkatkan aktiviti Integrasi. Sebahagian aktiviti melibatkan bidang tumpuan yang telah dijalankan berikut:

### **1. Aktiviti Kolaborasi**

- Penang Signature Gold , Gems and Jewellery Fair 2023 - Kolaborasi : P.W. Gold & Silver Ornament Merchants Association
- 1st PWGS Jewellery Design Award - Kolaborasi : P.W. Gold & Silver Ornament Merchants Association
- SEAPArts - Webinar Mek Mulung: Strategi Ke Arah Pengiktirafan Antarabangsa - Kolaborasi : Institusi Seni Indonesia (ISI, Surakarta) dan Universitas Negeri Padang, Indonesia
- TRIPYCH: A Cornucopia of Eclecticism - Kolaborasi : Yayasan Arshad Ayub dan Segaris Art Centre
- Konsert 'Sounds of Malaysia' - Kolaborasi : Orkestra Tradisional Malaysia (OTM) dan Istana Budaya
- Showcase of Classical and Contemporary Music - Kolaborasi : ASWARA
- Keretapi Sarong 2023 - Kolaborasi : LOCCO Malaysia
- Xiaomi Malaysia Mobilegraphy Competition - Kolaborasi : Xiaomi Malaysia
- Honor Talents Global Awards 2023 - Kolaborasi : Honor Malaysia

### **2. Lawatan Penanda Aras KPSK**

- Lawatan Penanda Aras E-Sport Centre ke City University Malaysia Petaling Jaya pada 26 Julai 2023
- Lawatan Kerja Ke Teesside University UK pada 4 – 13 Nov 2023
- Art & Heritage Exploration at Terengganu Darul Iman pada 27-30 Mei 2023

### **3. Lawatan Penanda Aras Diterima**

- Lawatan Kerja oleh Songkhla Rajabhat University (SRU) pada 1 Jun 2023
- Lawatan Penanda Aras Pengurusan Pembinaan Arca di UiTM oleh Universiti Teknikal Melaka (UTEM) pada 26 Januari 2023
- Lawatan rasmi Pegawai Jaminan Kualiti Luar Negara Bersama INQKA UiTM ke Dewan Orkestra KPSK pada 13 September 2023
- Lawatan Penanda Aras dari Sekolah Menengah Kebangsaan Parit Betak pada 11 Mei 2023
- Lawatan Sambil Belajar dari SMK Agama Arau, Perlis pada 20 Julai 2023

### **4. Khidmat Masyarakat**

- Program CSR: Sekolahku Ceria, Mantap dan Menjadi, SMK Seksyen 7, Shah Alam pada 14/1/2023 - 15/1/2023
- Program Khidmat Masyarakat: Pembersihan Denai Gunung Angsi, Negeri Sembilan pada 24/6/2023 - 25/6/2023
- Projek Integrasi dan Penglibatan Masyarakat Bersama Sekolah Seni Malaysia Johor & Yayasan Warisan Johor pada 24/6/2023 - 26/6/2023
- Aktiviti Komuniti Amal Kebajikan di Bait Al-Mawaddah (Pusat Jagaan Warga Emas) Shah Alam pada 14/10/2023
- Program "Ilmu Membentuk Minda Kreatif dan Inovatif" Bersama Komuniti Orang Asli

**5. Integrasi Yang Erat Bersama Pelajar/Ibu Bapa/Pensyarah/Staf Pentadbiran**

- Lantikan Penasihat aktiviti pelajar dari kalangan staf akademik bagi memantau pelaksanaan aktiviti mencapai objektif program ditetapkan.
- Penglibatan staf pentadbiran HEP dalam penyemakan permohonan aktiviti pelajar dan khidmat runding cara urusan yang berkaitan. Sebilangan aktiviti turut telah melibatkan kerjasama persatuan pelajar, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Sekretariat Mahasiswa Fakulti (SMF) kehadiran ibu bapa pelajar sebagai penonton antaranya:
  - a. Penilaian dan Pameran Pelajar Tahun Akhir (*Showcase*)
  - b. Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar
  - c. Konsert dan Resital Pelajar Program Seni Muzik

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_K01\\_KB05\\_20241\\_KPSK\\_1.5\\_kepimpinan.pdf](#)
2. [B0082\\_K01\\_KB05\\_20242\\_KPSK\\_1.5b\\_kepimpinan.pdf](#)
3. [B0082\\_K01\\_KB05\\_20243\\_KPSK\\_1.5c\\_kepimpinan.pdf](#)
4. [B0082\\_K01\\_KB05\\_20244\\_KPSK\\_1.5d\\_kepimpinan.pdf](#)
- 5.

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan strategik adalah satu kerangka perancangan tempoh jangka pendek dan panjang sesebuah organisasi dalam mendukung misi dan visi serta memastikan objektif penubuhan organisasi dicapai. Bagi sesebuah universiti setiap agenda dan strategi dibentangkan kepada seluruh warga universiti dalam memastikan semua berada di landasan yang sama. Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah menetapkan Agenda Transformasinya yang dikenali sebagai Pelan Strategik UiTM 2025 dan telah diumumkan kepada seluruh warga UiTM semasa amanat Naib Canselor yang lalu. Kolej Pengajian Seni Kreatif amnya di unit Hal Ehwal Pelajar Kolej Pengajian Seni Kreatif sentiasa peka dalam menetapkan kerangka hala tuju organisasi dalam mendukung Fokus Strategik Kementerian Pengajian Tinggi 2021 iaitu memperkuatkkan kebolehpasaran Graduan , memperbanyakkan graduan yang seimbang dan memupuk DNA keusahawanan disamping memberikan pendidikan yang berkualiti dalam mis menjadi universiti yang terkemuka di dunia. Dan tumpuan AKNC di KPSK kali ini bertumpukan kepada Hal Ehwal Pelajar. Diperingkat Hal Ehwal Pelajar KPSK, penerapan dan perancangan strategik telah dibincangkan dalam mesyuarat Ahli Eksekutif Hal Ehwal Pelajar KPSK yang ditubuhkan bagi memastikan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan setiap tumpuan dapat dipantau secara kolektif. Ahli Jawatankuasa ini melibatkan Dekan Hal Ehwal Pelajar bersama Ketua-Ketua di unit HEP KPSK.

## **2.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

### **Penyelarasan Performance Indicator HEP KPSK**

Pada tahun 2023, bahagian HEP KPSK diberikan lima belas (15) *Performance Indicator* (PI) yang mana distrategikkan kepada empat (4) projek utama iaitu, CCA's 'A' Star Students, CCA Global Outreach, CCA StudentPreneur dan CCA Patriotisme & ESI iDart Programme (**Bukti 1**). Setiap projek utama dipertanggungjawabkan kepada ketua atau koordinator yang berkaitan di bahagian HEP KPSK (**Bukti 2**). Bagi memastikan pencapaian PI tersebut, HEP KPSK bersama-sama bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) KPSK, mengenalpasti aktiviti-aktiviti pelajar yang sering dikendalikan oleh pengajian melalui program akademik, agar pelaporan aktiviti-aktiviti ini diselaraskan bersama bagi rekod HEP dan HEA KPSK. Bagi aktiviti pelajar yang melibatkan alumni atau industri, bahagian Jaringan Industri, Alumni dan Komuniti (ICAN) KPSK juga akan turut dimaklumkan melalui pelaporan penuh kepada Dekan HEP, HEA dan ICAN.

Terdapat sembilan (9) PI yang diletakkan di bawah kod projek **CCA's 'A' Star Students**, yang mana dipantau oleh Ketua Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar, KPSK, iaitu Cik Aimi Nabilah Ainizaim. PI yang diberikan lebih berbentuk pengoptimuman keterlibatan pelar di dalam pertandingan, kesukanan dan program-program berbentuk kepimpinan dan insaniah. Oleh itu, beliau dibantu oleh seorang koordinator dan seorang penyelaras iaitu, Koordinator Persatuan Pelajar (Encik Zulkifli Romli) dan Penyelaras Pertandingan dan Pengantarabangsaan (Puan Bebra Charles Mailin).

Bagi **CCA Global Outreach**, terdapat dua (2) PI yang dimandatkan dan dipantau oleh Ketua Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar KPSK, iaitu Encik Mohd. Fairus Yusof. PI yang diberikan adalah berbentuk projek kesukarelawanan melibatkan industri serta pengantarabangsaan.

**CCA StudentPreneur** distrategikkan kepada empat (4) PI yang berbentuk aktiviti-aktiviti keusahawanan melibatkan pelajar, pensyarah serta industri. Projek ini dipantau oleh Koordinator MASMED KPSK Puncak Alam, iaitu Ts. Wan Zamani Wan Zakaria, dengan dibantu Dr. Siti Normala Hamzah (Koordinator MASMED KPSK Puncak Perdana) dan Encik Yap Ng Sim (Koordinator MASMED KPSK Shah Alam).

**CCA Patriotisme & ESI iDART Programme** diterajui oleh Penyelaras Kemahiran Insaniah, Kesukarelawanan dan Kenegaraan, HEP KPSK, iaitu Encik Fadli Razak. Hanya satu (1) PI yang diberikan, yang mana menjurus kepada pembangunan program yang berbentuk kenegaraan.

Setiap projek dan PI ini dimaklumkan kepada Ketua-ketua Pengajian untuk dimaklumkan kepada Koordinator-koordinator bidang. Bagi mengelakkan ketirisan pelaporan, setiap perancangan aktiviti pelajar 2023 harus mendapatkan kelulusan Koordinator Bidang dan Ketua Pengajian dengan makluman MPP sebelum dipohon ke pejabat HEP bagi kelulusan dan penyelaras capaian PI KPSK di bawah HEP KPSK. Selain itu, bahagian HEP KPSK juga ambil maklum akan aktiviti besar anjuran PTJ yang melibatkan pelajar bagi memastikan Pembangunan jati diri dan Kemahiran insaniah pelajar secara tidak langsung (**e.g. Konsert Perasmian Dewan Konsert Seri Budiman - Bukti 3**).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_P01\\_PB02\\_20241\\_KPSK\\_2.2a\\_carta HEP KPSK.pdf](#)
2. [B0082\\_P01\\_PB02\\_20242\\_KPSK\\_2.2b\\_SAPPProject.pdf](#)
3. [B0082\\_P01\\_PB02\\_20243\\_KPSK\\_2.2.3\\_.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

### **CCA's 'A' Star Students**

Strategi utama untuk projek ini adalah untuk menggalakkan penglibatan pelajar di dalam pertandingan kebudayaan antara kolej pengajian dan fakulti iaitu WIRASA, Sukan Antara Fakulti (SAF) dan pertandingan-pertandingan yang berkaitan di peringkat antarabangsa.

Dalam usaha pemerkasaan mahasiswa, ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Tabung Amanah Pelajar KPSK di dalam menapis permohonan program melibatkan pelajar melalui Borang C. Selain itu, barisan sekretariat mahasiswa KPSK (SMK) juga berperanan penting dalam menjadi duta kecil dan didedahkan dengan program berbentuk kepimpinan. Di KPSK, dua organisasi, yakni MPP dan SMK, bergerak rapat bersama HEP KPSK dalam mendukung misi kolej pengajian memandangkan lokaliti program yang berada di tiga premis. Penganuran program berbentuk sinergi seperti Sinergi Raya KPSK, Sports of College of Creative Arts (SPOCCA) dan Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Organisasi (KPPO) (**Bukti 1**) melibatkan semua majlis tertinggi persatuan pelajar KPSK untuk saling bekerjsama (**Bukti 2**). Platform komunikasi di media sosial dan whatsapp juga dirancakkan merentas pengajian dan kampus. Semua pelaksanaan program dipantau melalui pelaporan akhir program aktiviti pelajar dan melalui mesyuarat persatuan yang telah dilaksanakan.

### **CCA Global Outreach**

Sebagai langkah strategik, unit HEP bergerak bersama-sama HEA dan ICAN untuk inisiatif ini melalui aktiviti *Service Learning* (SULAM) dan *Knowledge Transfer* bersama pihak industri.

### **CCA StudentPreneur**

HEP KPSK telah melaksanakan projek inkubator untuk meningkatkan keterlibatan program berbentuk keusahawanan dalam kalangan pelajar. Ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dalam menghasilkan graduan bercirikan usahawan dalam menyokong atribut di bawah Lonjakan 1 iaitu graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang. Ini sekaligus menjadi prinsip panduan dalam pembangunan usahawan pelajar KPSK yang mempunyai nilai daya saing yang tinggi dalam usaha meningkatkan pembangunan keusahawanan. Pelajar yang berminat diberi pendedahan luas mengenai geran dan latihan yang diperlakukan oleh Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) UiTM. Melalui pendedahan ini, pelajar akan dapat menghasilkan inovasi yang dapat dikomersialkan sekaligus mendorong pertumbuhan syarikat pemula berdasarkan seni kreatif. Pelajar juga dibimbing oleh penyelaras yang terdiri daripada pensyarah KPSK yang telah menerima sijil keusahawanan yang diiktiraf. Dalam menjayakan program ini, kumpulan sasar bagi pelaksanaan IKKP ialah pelajar, ahli akademik Kolej Pengajian Seni Kreatif, alumni, industri dan pemegang taruh. Para pelajar juga telah diminta untuk mendaftarkan peniagaan dengan myENT di lamanweb <https://masmedapps.uitm.edu.my/myent/> bagi memudahkan pemantauan. Beberapa garis panduan telah ditetapkan oleh ahli jawatankuasa inkubator keusahawanan kreatif pelajar. (**Bukti 3**)

### **CCA Patriotisme & ESI iDART Programme**

HEP KPSK menyasarkan satu aktiviti pelajar bagi mencapai keperluan PI ini memandangkan pembudayaan nilai patriotism di kalangan pelajar tidak begitu tampak. Bidang yang disasarkan adalah bidang fotimedia kerana pelajar-pelajar di bidang ini mempunyai kemampuan yang khusus bagi menterjemahkan penghayatan nilai melalui visual dengan menggunakan media terkini berbentuk separa digital. Pelajar dimaklumkan sasaran khusus projek dan menjalankan projek di bawah pemantauan pensyarah kursus.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_P01\\_PB03\\_20241\\_KPSK\\_2.3.1\\_Poster Program sinergi.pdf](#)

2. [B0082\\_P01\\_PB03\\_20242\\_KPSK\\_2.3.aMASMED YOUNG ENTREPRENEUR \(MyENT\).pdf](#)
3. [B0082\\_P01\\_PB03\\_20243\\_KPSK\\_2.3b minit\\_jk inkubator 2.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### **Penghantaran Pelaporan HEP – Borang C**

Setiap program yang melibatkan aktiviti pelajar harus mendapatkan kelulusan ahli pengurusan aksekutif HEP melalui kebenaran Koordinator Bidang dan Ketua Pengajian. Permohonan ini adalah melalui Borang C dan kertas kerja penuh yang telah menetapkan penyasaran terhadap PI di bawah HEP KPSK. Penapisan ini dibentangkan dan dibincangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa TAP KPSK seperti yang dijadualkan (**Bukti 1**).

Data yang merangkumi penghantaran Borang C, Kertas Kerja, kelulusan program dan dana, serta laporan disimpan oleh HEP KPSK sebelum dilaporkan kepada ahli pengurusan eksekutif HEP di dalam mesyuarat pengurusan KPSK (**Bukti 2**).

#### **Ketampakan Sosial Media**

Bagi memastikan ketampakan yang optimum, hebahan atau pengumuman pengkibatan pelajar juga dumumkan melalui media sosial dan berita elektronik. Hebahan rasmi dimaklumkan kepada unit komunikasi korporat KPSK sebelum dihebahkan secara rasmi di dalam akaun rasmi media sosial KPSK (**Bukti 3**).

Bagi menggalakkan penglibatan kumpulan sasar yang lebih optimum, pemakluman dirancakkan melalui media sosial agar maklumat dapat diserahkan dengan lebih pantas, khususnya di kalangan pelajar (**Bukti 4**).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20241\\_KPSK\\_2.4.1\\_Surat Jemputan TAP KPSK 052023.pdf](#)
2. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20242\\_Bukti 2 - Kriteria 2.pdf](#)
3. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20243\\_KPSK\\_2.4.1.3\\_media sosial rasmi.pdf](#)
4. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20244\\_Bukti 4 - Kriteria 2.pdf](#)
- 5.

## **2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

### **Mengenalpasti Risiko**

Di dalam pelan strategik HEP KPSK, banyak faktor yang diperhalusi bagi setiap perancangan ataupun semasa pelaksanaan aktiviti program pelajar. Setiap pemohonan yang dihantar ke HEP dinilai dari aspek risiko strategi, risiko kewangan, risiko keselamatan, risiko perundungan, risiko reputasi dan risiko operasi. Ahli pengurusan eksekutif HEP akan menilai semua faktor ini sebelum sesuatu keputusan dibuat bagi kelulusan satu-satu program. Pembincangan dua hala juga diadakan di antara pengurusan HEP bersama Ketua Pengajian/ koordinator bidang/ Pensyarah Program atau Penasihat persatuan pelajar sekiranya terdapat perkara-perkara berbangkit yang perlukan maklumat lanjut bagi memastikan semua program atau aktiviti tidak memberi kesan kepada organisasi. Contohnya bagi pelaksanaan projek inkubator KPSK yang menghadapi beberapa kekangan untuk pelaksanaan; risiko-risiko dibawa ke mesyuarat HEP Ikubator yang dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor (PNC) dan diminitkan (**Bukti 1**). HEP KPSK mendapatkan kerjasama dari pihak ICAER UiTM untuk sebarang pemasalahan berkaitan ruangan kiosk perniagaan dan mendapatkan nasihat dari Pejabat Undang-Undang UiTM untuk perbincangan MoA. Selain itu pelaksanaan projek Ikubator KPSK turut melibatkan kerjasama dari unit ICAN KPSK untuk perbincangan bersama industri yang terlibat (**Bukti 2**).

Bagi pelaksanaan SULAM, ianya dipantau melalui penghantaran laporan akhir program yang melalui e-HEP atau diemelkan ke pejabat HEP KPSK. Kursus-kursus yang berdaftar di bawah SULAM akan turut dipantau oleh HEA, manakala projek khusus akan dilaporkan kepada HEP. Ahli mesyuarat eksekutif HEP KPSK sentiasa menyemak dan menilai semua pelaksaan aktiviti atau program yang dijalankan terutama untuk memastikan kolej pengajian mencapai PI yang telah ditetapkan. Pemeriksaan Mahasiswa yang terapkan oleh HEP KPSK sentiasa dipantau melalui Ketua Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar melalui perjumpaan dan mesyuarat HEP bersama MPP. Perbincangan dua hala juga dirancakkan melalui medium media sosial and e-aduan yang telah disediakan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20241\\_KPSK\\_2.4.2a minit mey hep.pdf](#)
2. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20242\\_KPSK\\_2.3b minit jk inkubator 2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **2.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

### **Penganalisaan Program berbanding Perancangan Stratgik**

Dalam memastikan objektif dan inisiatif ini dilaksanakan dengan jaya, KPSK telah merangka pelan pemantauan yang sistematis. Melalui mesyuarat eksekutif yang diadakan, semua pelaksanaan dan perjalanan aktiviti program pelajar dipantau secara berkala. Penghantaran laporan setiap aktiviti yang telah dijalankan juga diperhalusi sebaiknya. Perancangan bengkel strategi HEP KPSK bersama semua ahli HEP juga dilaksanakan pada awal setiap semester bagi merangka perjalanan semester. Dalam usaha menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan warga KPSK, unit HEP KPSK amnya MASMED melalui mesyuarat Inkubator sentiasa cakna untuk penambahbaikan (**Bukti 1**).

Antara perancangan yang telah dibincangkan adalah:-

1. Penubuhan Kelab Keusahawanan di bawah MASMED KPSK;
2. Penyelas Inkubator KPSK menyalurkan maklumat dan perincian kepada ICAN;
3. Menyediakan Garis Panduan Inkubator Keusahawanan Kreatif Pelajar (IKKP) memandangkan tiada garis panduan pelaksanaan ikubator UiTM dan dari MASMED ianya bersifat umum;
4. Penubuhan Tabung Keusahawanan KPSK bagi memastikan pengutipan kewangan lebih teratur dan membantu kolej menjana pendapatan.

Pelbagai saluran penambahbaikan dan maklumbalas sama ada dari kalangan warga KPSK turut dilaksanakan yang mana dipantau oleh unit komunikasi korporat KPSK. Namun begitu unit HEP KPSK turut mengambil insiatif yang lebih dekat bagi memudahkan semua berhubung terus dengan HEP melalui medium Discord, e-korporat aduan KSPK, laman sesawang HEP KPSK, sesi taklimat, kotak aduan, media sosial rasmi (Facebook, Instagram, Tiktok) (**Bukti 2 dan 4**). Di samping itu, HEP KPSK menyahut seruan Kementerian Pendidikan Tinggi dalam memperkasakan suara mahasiswa dan itu fungsi MPP dan SM KPSK diperkuuhkan. Semua presiden setiap persatuan pelajar KPSK juga digerakkan dalam membantu menyalurkan informasi. Beberapa saluran whatssap turut dibuat mengikut kampus dibentuk bagi mendekatkan pelajar dengan pengurusan HEP. Tidak terkecuali pelaksanaan Kursus Kepimpinan Organisasi Pelajar (KPPO) turut diadakan pada awal semester bersama sekretariat Mahasiswa KPSK dan barisan Majlis Perwakilan Pelajar KPSK untuk memastikan kerangka perancangan dari pandangan dan cadangan pelajar KPSK juga dilihat. Pihak HEP KPSK juga mengalakkan pelajar KPSK mengikuti kursus dan modul kepimpinan dinamik yang disediakan oleh Institut Kepimpinan Pelajar (IKP) UiTM dalam memperkasa mahasiswa (**Bukti 3**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20241\\_KPSK\\_2.4.3\\_bengkel srategik HEP.pdf](#)
2. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20242\\_KPSK\\_2.4.1.3\\_media sosial rasmi.pdf](#)
3. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20243\\_KPSK\\_2.4.3d\\_Kursus kepimpinan.pdf](#)
4. [B0082\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20244\\_Bukti 4 - Kriteria 2.pdf](#)
- 5.

## **2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

### **Hasil Integrasi: SINERGI KPSK**

Kolej Pengajian Seni Kreatif menerapkan budaya sinergi sesama warga KPSK dalam pelaksanaan program dan aktiviti yang merentas pusat pengajian dan kampus-kampus. Keberadaan KPSK yang berada di empat lokasi berbeza iaitu KPSK Shah Alam, KPSK Puncak Perdana, KPSK Puncak Alam dan KPSK Seksyen 17 INTEC tidak dijadikan penghalang di dalam membudayakan integrasi dan *sense of belongin* kepada KPSK.

Kepelbagaian program utama di bawah HEP telah ditetapkan bagi memastikan matlamat ini dicapai seperti pelaksanaan aktiviti Sinergi Raya KPSK dan Sport of College of Creative Arts (SPOCCA) yang telah berlangsung bagi tahun kedua sejak penubuhan KPSK yang mana telah melibatkan warga KPSK amnya pelajar dari empat lokasi ini berkumpul (**Bukti 1**).

Penerapan budaya SINERGI dalam konteks ini, merujuk kepada pembudayaan kepelbagian strategi dalam mengintegrasikan operasi organisasi dalam memastikan semua warga KPSK berada di dalam pemahaman misi, visi yang sama. Antara manifestasi budaya SINERGI adalah pelaksanaan program yang melibatkan pelajar dari dua atau lebih bidang yang berbeza, contohnya Konsert Perasmian Dewan Koncert Seri Budiman yang melibatkan pelajar dari pengajian Konservatori Muzik dan pengajian Seni Liberal (bidang Pengurusan Industri Kreatif); dan UiTM Degree Fashion Show Oktober 2023 yang melibatkan pelajar dari pengajian Seni Reka (bidang Seni Reka Fesyen) dan pengajian Seni Liberal (bidang Pengurusan Industri Kreatif) (**Bukti 2**). Ini juga dapat dilihat dari pembudayaan SINERGI di dalam bidang akademik melalui Collaborative Teaching, yang mana menggalakkan perkongisan ilmu lebih organik kerana adanya keserasian hasil pembudayaan nilai SINERGI itu di peringkat perancangan strategik.

Perkongsian silang bidang dan kepakaran dapat membantu dalam menghasilkan produk yang menarik. Walaupun Kolej Pengajian Seni Kreatif mempunyai kesukaran dari aspek lokasi berbeza namun, usaha dalam menghasilkan satu tugas ialah berdasarkan kaedah sinergi di samping projek-projek yang dijalankan oleh bidang pengajian masing-masing. Projek-projek yang dihasilkan juga mempunyai hubungan yang langsung dengan industri dan ini menjadikan pelajar lebih bersedia untuk menghadapi dunia pekerjaan selamat tamat pengajian.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_P01\\_PB05\\_20241\\_KPSK\\_2.5.1\\_Program SPOCCA.pdf](#)
2. [B0082\\_P01\\_PB05\\_20242\\_KPSK\\_2.5.2\\_Poster Program sinergi.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelajar merupakan pelanggan utama KPSK. Penggabungan tiga fakulti menjadi satu Kolej Pengajian semestinya memberikan satu impak kepada pengendalian data dan kebijakan pelajar terutamanya dari segi proses pengoperasian, berikutan jumlah pelajar yang ramai serta lokaliti kampus yang berbeza. Pelaksanaan perancangan strategik dilakukan dengan perkongsian maklumat perancangan aktiviti pelajar dengan pejabat HEA, ICAN dan PI KPSK. Melalui usaha-usaha di bawah pemantaua pengurusan eksekutif KPSK, khususnya di bawah HEP, risiko-risiko berkaitan pembangunan pelajar dikenalpasti dan direkodkan oleh Penyelaras Pengurusan Risiko di bawah Ketua Unit Kualiti dan Strategi. Risiko-risiko ini dikenalpasti melalui pengoperasian akademik berkaitan pelajar serta aktiviti-aktiviti ko kurikulum pelajar. Bagi memastikan kepuasan hati pelajar selaku pelanggan utama KPSK, dua platform utama untuk penyampaian aduan dan cadangan boleh diakses sepenuhnya oleh pelajar iaitu e-aduan dan CCA e-aduan. E-aduan UiTM merupakan platform untuk penyampaian aduan yang lebih menyelesaikan di dalam UiTM dan mungkin melibatkan PTJ lain, manakala CCA e-aduan adalah khusus kepada isu-isu dalaman KPSK. Kedua-dua platform ini dipantau oleh unit Komunikasi Korporat KPSK dan dilaporkan di dalam mesyuarat pengurusan secara berkala. Hebatnya keberjayaan warga KPSK khususnya pelajar (di kampus cawangan, Shah Alaman dan UCS) di dalam pertandingan secara dalaman mahupun antarabangsa dikumpul secara berpusat oleh unit Komunikasi Korporat dan bahagian HEP KPSK. Hubungan dua hala ini adalah untuk memantapkan kepuasan hati para pelanggan agar lebih progresif dan proaktif di dalam pengajian mereka di KPSK.

### **3.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

#### **Pelajar selaku Pelanggan Utama KPSK**

Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) beroperasi dengan rasminya pada 3 Februari 2022 dengan prinsip untuk menghasilkan potensi kreatif melalui integrasi disiplin seni kepada inovasi pelbagai disiplin program akademik. Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, Fakulti Filem, Teater, dan Animasi serta Fakulti Muzik, digabungkan sebagai peluang untuk pelajar memperkuuh keupayaan kreatif dan pengukuhan diri sebagai persediaan memenuhi Revolusi Industri 4.0(IR4.0). KPSK melengkapkan pelajar dan graduan dengan realiti maya, realiti tambahan, dan pengetahuan kemanusiaan untuk menempuh sektor berdasarkan digital.

Pelajar-pelajar yang mempunyai asas seni atau minat seni telah menyertai KPSK seramai 2042 orang pada tahun 2023. Ini menjadikan penambahan sebanyak 44% dalam jumlah besar seramai 4598 orang. Jumlah besar ini terdiri dari bidang pengajian iaitu Konservatori Muzik 8.18%, Seni Reka 12.80%, Seni Halus 9.35%, Seni Digital dan Imejan 44.58%, Seni Liberal 19.60% dan Seni Persembahan 5.50%.

Sebanyak 65 MoU dan MoA telah dihasilkan untuk merapatkan industri dengan graduan dan KPSK. Antara rakan industri KPSK termasuk Parlimen Berhad, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Virtualtech Frontier Sdn. Bhd., REMOOZ INC.,(USA). Mariel Company Co., Ltd., (Korea), Universitas AMIKOM (Indonesia), Teesside University (UK) dan Anthropos Resources (Anthrotek). MoU yang tersenarai melibatkan syarikat dalam negara 75%, syarikat luar negara 9.8% dan institusi pendidikan Luar Negara 9.14%. MoA melibatkan syarikat dalam negara 4.9% dan institusi pendidikan luar negara 1.6% (**Bukti 1**).

Pelajar-pelajar akan menjalani latihan praktikal dan bergraduasi dengan menyertai rakan MoU dan industri berkaitan. Pelajar-pelajar telah dilengkapi dengan keperluan SULAM berobjektif yang difomulasikan dengan harapan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan daya saing dalam bidang disiplin mereka untuk membentuk Pelajar Berkemahiran Abad 21. UiTM juga telah menerapkan nilai Madani ini di dalam diri warga Universiti menerusi nilai ESI-iDART iaitu Kecemerlangan (Excellence), Sinergi (Synergy) dan Integriti (Integrity) yang perlu diterapkan bersama Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab.

Persekutuan Alumni UiTM Malaysia yang telah ditubuhkan dengan menyatukan hampir 50 persatuan alumni di bawah 1 payung, 1 suara dengan 1 matlamat untuk menggarap cara dengan keberhasilan impak yang lebih profesional dan berkesan. Dan telah diisyiharkan bahawa tanggal 19 Disember pada setiap tahun akan disambut sebagai ‘Hari Alumni UiTM’. Kehadiran alumni kembali berkongsi ilmu dilaksanakan seperti ‘Dari ITM ke JKKN: Perjalanan Karier Seorang Alumni (5 Jan 2023) dan Stage Management Forum: Key to an Excellent Performance (4 Jan 2023).

Sepanjang tahun 2023, UiTM telah mencapai *Globally Renowned University* atau Universiti yang Dikenali Dunia, dengan membawa pelbagai kejayaan dan kecemerlangan warganya ke peringkat antarabangsa berlandaskan tema Kebolehpasaran Global. Penyertaan pertandingan, persembahan dan wacana seperti *10th International ABYLIMPIC Competition di France* (23-26 Mac 2023), *Solo International Performing Arts* (31 Ogos 2023), *Collaborative Teaching Session: Intercultural Music* (18 Mei 2023) dan *Prof. Peep Lassmann Visit* (3-6 April 2023); adalah usaha meletakkan KPSK di pasaran dunia dalam bidang yang tersendiri.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_T01\\_TB02\\_20241\\_Bukti 1 - MoU MoA Lol.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

#### **Penyelarasan Mahasiswa KPSK**

Calon pelajar memulakan perkenalannya dengan KPSK melalui hebahan berita, carian di laman sesawang, saranan pendidik, keluarga atau kawan-kawan dan juga aktiviti ekspos pengajian tinggi seperti Ekspos Selangkah ke UiTM. Unit Pusat Universiti (UPU) dan Pengambilan UiTM/ Portal Kemasukan Pelajar memulakan titik awal penyaringan calon pelajar ke UiTM (**Bukti 3.3.1a**).

Di laman sesawang tersebut calon dapat melihat syarat dan keperluan am serta khusus yang perlu dipenuhi untuk memohon tempat di UiTM khususnya di KPSK. Antara syarat tambahan untuk beberapa program seperti Ujian Melukis, Ujian Rabun / Buta Warna, Ujian Pendengaran, Uji Bakat, Temu Bual dan Folio (**Bukti 3.3.1b**). Keputusan pemilihan pelajar dimasukkan ke dalam sistem di SIMS Module INTAKE. Setelah calon berjaya mendapatkan tempat di KPSK, UiTM, data pelajar akan diproses ke dalam sistem *Student Information Management System (SIMS) Academic*. Akses berkaitan akademik, yuran, Perpustakaan, kalender akademik, keputusan peperiksaan dan lain-lain di iStudent Portal (**Bukti 3.3.2a**). SIMS akan merekodkan data pelajar, penilaian dan kehadiran di UFUTURE. Maklumbalas dari pelanggan pelajar direkodkan dalam Entrance and Exit Survey (EES) dan SuFO sebagai satu kaedah untuk mengukur kualiti yang sampai kepada pelanggan (**Bukti 3.3.2b**).

Data pelunjuran pengambilan pelajar dan jumlah kelulusan pelajar disemak di setiap tamat semester melalui SIMS AKADEMIK: 1.0 Pendaftaran Kursus dan 7.0 Laporan Peperiksaan (**Bukti 3.3.2c**). Data-data pelanggan juga diperoleh dan dikumpul dari perlaksanaan aktiviti pelajar dan program. Dengan ketampakan melalui media sosial, pengenalpastian kumpulan bakal pelanggan dan pelanggan sedia ada diperolehi dari komen, respon, cadangan atau aduan. Pelanggan juga dapat berinteraksi terus dengan KPSK menggunakan saluran yang diperoleh seperti e-mel, borang aduan/ E-Aduan, borang kajiselidik yang dihebahkan melalui laman Facebook, laman sesawang KPSK dan laman rasmi UiTM. Unit Komunikasi Korporat KPSK akan membuat analisis berkala dari maklumat yang diperolehi dari sumber saluran pelanggan untuk tujuan penambahbaikan dan rujukan berterusan.

Selanjutnya data pelanggan yang terlibat dengan aktiviti bersama agensi kerajaan, NGO dan industri direkodkan dalam laporan aktiviti pelajar dan Portal for Research and Innovation Management (PRIME) (**Bukti 3.3.2d**). Informasi penglibatan pelanggan dapat dilihat dalam inovasi aktiviti samada memenuhi Service-Learning Malaysia- University for Society (SULAM), Malaysia Sustainable Development Goals (SDG), Experiential Learning and Competency- Base Education Landscape (EXCEL) dan National Fourth Industrial (4IR) Revolution Policy (IR4.0). Dari maklumat pelanggan, penambahbaikan diadakan dalam silibus dan inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) agar pelanggan (pelajar) lebih bersedia dan menepati keperluan pelanggan (industri). Untuk mendekat dan memenuhi keperluan palanggan industri, pelajar menjalani Work Based Learning 2u1i (WBL2u1i) dan Latihan Profesional. Data kompetansi pelajar direkod dan diproses dalam e-RES (Result Entry System). Data P&P di rekod di Academic Information System (AIMS), dalam pelaporan Outcome Based Learning- Closing the Loop (OBE-CDL) iaitu mekanisme mengukur keberkesan OBE-SCL (student-centered learning) (**Bukti 3.3.3a**).

Kompetansi staf P&P dikumpul dan dilaporkan di Academic Load and Task Management (MyATP), Teaching Evaluation (Student Feed Online (Sufo), Teaching Self Evaluation (TESA) dan Peer Evaluation (PRO-PENS) (Bukti 3.3.3b). Sejakar dengan keperluan pembelajaran semasa Center for Innovative Delivery and Learning Development (CIDL) telah menerajui inovasi P&P dalam memastikan kejayaan dan keberkesan teknologi kreatif dan innovasi serta melibatkan pakar-pakar industri dan teknologi dalam P&P (**Bukti 3.3.3c**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_T01\\_TB03\\_20241\\_KPSK\\_3.3\\_PROSES UPU.pdf](#)
2. [B0082\\_T01\\_TB03\\_20242\\_KPSK\\_3.3B\\_PROSES UiTM.pdf](#)
3. [B0082\\_T01\\_TB03\\_20243\\_KPSK\\_3.3.C\\_PROSES SISTEM PELAJAR & SIMS.pdf](#)
4. [B0082\\_T01\\_TB03\\_20244\\_KPSK\\_3.3.D\\_PRIME & CIDL.pdf](#)
5. [B0082\\_T01\\_TB03\\_20245\\_KPSK\\_3.3.E\\_ACADEMIC & UFUTURE.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### **Prospek Mahasiswa KPSK**

Pendedahan elemen pembelajaran Student Centered Learning (SCL) membuka peluang pelajar untuk meneroka ilmu dengan bimbingan dari pensyarah dan industri semasa. Setiap kursus dilengkapi dengan rubrik dan *standard Taksonomi Blooms* yang diperuntukkan sebagai garis pengukur kepada perkembangan pembelajaran pelajar dalam bidang. Kandungan kursus boleh dilihat di AIMS (**Bukti 3.4.1a**). Setiap kursus perlu memenuhi Course Learning Outcome (CLO) subject, Taxonomy Level, MOHE Learning Outcome, MOHE Soft Skills, Program Learning Outcome (PLO), dan Program Educational Objectives (PEO) (**Bukti 3.4.1b**). Keperluan kursus diselaraskan juga dengan National Education Code (NEC) mengikut keperluan bidang setiap program di KPSK. Oleh itu setiap kursus menghasilkan dan melaksanakan silibus berdasarkan keperluan di atas dengan kaedah dan penilaian kreatif dan portfolio. Pelajar didedahkan dengan pembelajaran yang meningkatkan penguasaan Kognitif, Psikomotor dan Afektif (**Bukti 3.4.1c**).

Dalam pembelajaran dan tugas, pelajar dilengkapkan dengan nilai murni agar pelajar bergraduat dengan pemikiran keusahawanan dan holistik sejajar dengan keperluan High Impact Educational Practices (HiEPs). Pelajar menyertai praktis dan perbincangan ilmiah yang meliputi seni persembahan dan warisan agar dapat memelihara dan membentuk identiti (**Bukti 3.4.2a**). Pelajar berpeluang berdiskusi dalam topik kesusateraan dan budaya bersama pakar budaya dan industri (**Bukti 3.4.2b**). Ilmu kepimpinan, kerohanian, bersukan dan kelestarian kesihatan fizikal dan mental disodorkan kepada pelajar agar berupaya menjadi masyarakat yang stabil dan berjiwa kemanusiaan (**Bukti 3.4.2c**).

Untuk mengasah kemahiran memimpin, bekerja dalam satu kumpulan dan menghasilkan karya merupakan objektif utama bagi pelajar KPSK. Pengalaman yang diperolehi memupuk nilai profesionalisme dan pemikiran kritis (**Bukti 3.4.2a**). Ilmu dan contoh-contoh pembelajaran turut dikongsi dari alumni, tokoh seni dan budaya dan ilmuwan dari luar negara (**Bukti 3.4.2b**).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20241\\_Keberjayaan pelajar.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

#### **KPSK Cakna Risiko**

Cakna Risiko Strategik 2022 mendefinisikan risiko strategik sebuah universiti ialah risiko persaingan. Kesan risiko persaingan sekiranya diabaikan akan menyebabkan hilang kuasa persaingan kepada university lain yang sentiasa meningkatkan prestasinya dan sentiasa berinovasi (**Bukti 3.4.2.1a**).

Antara risiko yang dikenalpasti adalah:-

- 1: Ketidakstabilan kewangan - KPSK perlu menjana kewangan terutamanya untuk aktiviti yang boleh dilibatkan bersama industri untuk memastikan hubungan simbiosis bersama industri.
2. Universiti pilihan yang kurang popular - Untuk mengekalkan data enrolmen yang positif, KPSK bertanggungjawab memastikan calon pelajar mendapat info dan cagaran ilmu dan tamat pengajian mengikut tempoh yang ditetapkan.
3. Tawaran nilai yang lemah - KPSK menambah nilai kepada P&P untuk menghindari perspektif negatif dari pemegang taruh (**Bukti 3.4.2.1b**).
4. Penambahan Penyelidikan Terkemuka- KPSK melaksanakan penyelidikan dan penulisan berimpak tinggi untuk kekal relevan kerana Akta UiTM 1976, penyelidikan dinyatakan sebagai salah satu kaedah pengajaran dan pendidikan selain dari latihan industri oleh pelajar. Sumber pembiayaan penyelidikan dan khidmat sokongan ekosistem penyelidikan menjadi penggalak kepada penyelidik.
5. Kebolehpasaran Graduan- KPSK memastikan graduan memenuhi keperluan industri untuk mewujudkan daya saing yang kompetatif. Graduan harus kompeten dan tangkas secara teknikal, memahami prosedur operasi environment tugas dan mempunyai sifat keusahawanan dan kemahiran insaniah yang mencukupi.
6. Pembangunan Bakat dan Perancangan Penggantian yang Lebih Optimum- KPSK membuat inovasi P&P integrasi bersama industri agar mewujudkan pelapis yang berprestasi (**Bukti 3.4.2.2a**).
7. Sistem Penyampaian yang lebih efisyen - KPSK harus memastikan penyampaian maklumat lebih efisyen serta tepat dan menjelaskan keperluan.
8. Gangguan Pengurusan / Perniagaan Akibat Peristiwa Yang Tidak Dijangka- KPSK dan UiTM sentiasa berganding tenaga berwaspada agar suasana pengurusan/ perniagaan tidak menjelas visi dan matlamat universiti.
9. Perkongsian dan Pakatan yang Lebih Berimpak- MoU dan MoA yang terterai harus setimpal dengan peningkatan kredibiliti profil dan reputasi universiti dalam pengetahuan, penyelidikan, inovasi, pengkomersilan, dan teknologi (**Bukti 3.4.2.2b**).

Selain dari memperincikan strategi memperkuuh nilai dan *visibility* tinggi, UiTM mendengar suara warga UiTM dan masyarakat global dengan sikap peka dan terbuka melalui E-Aduan, observasi kepada komen dan cadangan di media sosial, emel dan Sesi Townhall (**Bukti 3.4.2.3a**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20241\\_Daftar Risiko.pdf](#)
2. [B0082\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20242\\_MoU dan Geran.pdf](#)
3. [B0082\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20243\\_Townhall PNC.pdf](#)
- 4.

5.

### **3.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

#### **Penambahbaikan KPSK**

Risiko-risiko yang dikenalpasti dipantau oleh unit Kualiti dan Strategi oleh Penyelaras Pengurusan Risiko.

Bagi memastikan pengurusan kewangan yang lebih optimum di bawah bahagian HEP, Jawatankuasa TAP bertanggungjawab memastikan keutamaan perbelanjaan bagi aktiviti yang memberikan impak berganda sekiranya aktiviti atau program tersebut tidak melibatkan sokongan kewangan dari industri (**Bukti 3.4.3.1a**). Pihak pengurusan akan memastikan perbelanjaan berhemah melalui LoI, MoU dan MoA yang efektif dari semasa ke semasa. Nilai ketampakkan juga dikongsi bersama untuk meningkatkan visibility seraya mempengaruhi populariti universiti dan KPSK (**Bukti 3.4.3.2a**).

Para pelajar juga digalakkan untuk *co-write* bersama pensyarah untuk menghasilkan penulisan bernilai tinggi serta penglibatan di dalam pertandingan inovasi. Pihak pengurusan khususnya bahagian HEP dan pejabat Dekan Penyelidikan dan Inovasi KPSK menggalakkan sinergi pensyarah dan pelajar khususnya penyelidikan tanpa geran untuk memudahkan cara penyampaian sumber dana untuk memupuk keterampilan pelajar melalui penyelidikan dan penglibatan di dalam pertandingan inovasi (**Bukti 3.4.3.3b**).

Terdapat satu situasi di mana Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) mengeluarkan arahan pembatalan konsert di semua universiti di Malaysia, yang mana dalam masa yang sama, KPSK sedang di dalam perancangan untuk menjalankan Konsert Perasmian Dewan Konsert Seri Budiman. Tatkala mendapat arahan tersebut, Koordinator Komunikasi Korporat serta Ketua Unit Kualiti dan Penyelaras Risiko membuat penilaian risiko dengan serta merta di bawah saranan Unit Pengurusan Risiko UiTM. Pelaporan penilaian risiko dibawa ke Naib Canselor untuk kelulusan, bagi mengelakkan sebarang perspektif negatif khususnya terhadap pelajar-pelajar yang terlibat secara langsung di dalam persempahan konsert tersebut. (**Bukti 3.4.3.4a**)

CCA Corporate One Stop Centre (CCA COSC) merupakan satu pautan pusat hentian bagi semua warga mahupun masyarakat umum mendapatkan maklumat rasmi KPSK serta aduan atau cadangan. Pautan ini boleh didapati di laman sesawang [kpsk.uitm.edu.my](http://kpsk.uitm.edu.my). Pelajar boleh menyampaikan cadangan atau aduan melalui cca e-aduan dan mendapatkan maklumat lebih komprehensif di dalam CCA COSC (**Bukti 3.4.3.5a**).

Bagi aduan yang tidak melalui platform KPSK, akan digarap oleh Jabatan Komunikasi UiTM, dan akan diturunkan kepada Koordinator Komunikasi Korporat dan Penolong Naib Canselor. Bagi aduan-aduan tersebut, satu jawatankuasa siasatan akan diwujudkan untuk menyiasat aduan tersebut sebelum tindakan diambil atas persetujuan pengurusan eksekutif KPSK (**Bukti 3.4.3.5b**). Pelaporan aduan ini dimaklumkan di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dari semasa ke semasa.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20241\\_Tatacara permohonan aktiviti pelajar.pdf](#)
2. [B0082\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20242\\_Contoh kemenangan.pdf](#)
3. [B0082\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20243\\_Bukti - CCA OSC.pdf](#)
4. [B0082\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20244\\_Rumusan CCA a-aduan 2023 \(1\).pdf](#)
- 5.

### **3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

#### **CCA One Stop Centre - Hentian bagi Integrasi KPSK**

Di antara cabaran tersebut bagi integrasi KPSK adalah penyampaian maklumat yang lebih efektif, memandangkan KPSK mempunyai beberapa cawangan di kampus negeri. Jenama KPSK menjadi kebanggaan seluruh warganya, dan KPSK cawangan tidak mahu ketinggalan di dalam hebahan keberjayaan mereka.

Ini nyata dengan hebahan yang diminta oleh KPSK kampus cawangan untuk keserahan kompetensi warga KPSK Cawangan Sarawak, Muhammad Abal Hakim Abal Mukam dari Diploma in Art & Design, KPSK yang telah mendapat tempat ke-7 di Certiports's Adobe Certified Professional World Championship 2023 pada 28 Julai – 3 Ogos 2023 di Orlando, Amerika Syarikat (**Bukti 1**). Pertandingan bertaraf dunia ini dianjurkan oleh Certiport untuk menguji kemahiran merekacipta pelajar dengan menggunakan perisian Adobe Photoshop, Illustrator dan InDesign. Pelajar terbaik yang mewakili negara di World Championship dimana mereka akan merekacipta projek tanpa kepentingan keuntungan pilihan Certiports.

Anugerah Projek Siswa Berteknologi Terbaik (Video Kreatif) sempena Majlis Anugerah Keushawanan Kementerian Pendidikan Tinggi 2023. KPSK diwakili Adib bin Amohd Azhar memperoleh Tempat ke 2. KPSK meraih Juara Keseluruhan WIRASA 2023 (**Bukti 2**). Pusat Kebudayaan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) telah menganjurkan pertandingan kebudayaan antara kolej pengajian dan fakulti. WIRASA UiTM 2023 telah dijuarai oleh KPSK dengan kemenangan johan bagi kategori nasyid, monolog, nyanyian lagu asli dan apresiasi seni dan naib johan bagi acara tarian rampaian tradisional dan band serta tempat ketiga dan beberapa anugerah khas yang lain. Pelajar KPSK juga memamerkan kerja seni Muzium Telekom. Atlet KPSK telah mencapai 3 emas untuk acara Senamrobik Lelaki dan Perempuan, dan permainan PUBG Lelaki. Atlet acara Ultras Perempuan telah meraih medal Perak manakala sebanyak 2 Gangsa diperolehi untuk Senamrobik Lelaki (KPSK B) dan Tenis Perseorangan Lelaki. Akhir sekali untuk Larian SAF Individu Perempuan telah menempatkan tempat ke 7 (Top 10). Kontingen Atlet KPSK di SAF2023 Majlis Penutup telah menamatkan acara dengan meraih kemenangan Maskot Terbaik, Persembahan Terbaik dan Naib Johan Perbarisan. Acara telah berlangsung di Stadium Shah Alam pada 21 Januari 2023 (**Bukti 3**). Tempat ke-3 Majlis Graduasi Unicorn Scholar Programme 1.0- Dalam program tersebut, Abdul Hafy Syah bin Abdul Halim Syah, graduan UiTM memenagi tempat ke 3 (**Bukti 4**).

Program eksklusif pemerkasaan agenda keusahawanan mahasiswa UiTM tersebut telah ditawarkan kepada pelajar dari seluruh kampusnya yang layak serta menepati kriteria akademik, sahsiah dan kepimpinan dalam mengupayakan mereka dilatih sebagai usahawan yang nisbah dengan pasaran semasa.

Hebahan kemenangan ini menjadi kebanggaan KPSK dan berjaya digarap melalui pautan hebahan di dalam CCA Corporate One Stop Centre (CCA COSC). Keselarasan poster juga dilakukan bagi memastikan konsistensi jenama KPSK melalui impak visual. Integrasi pengumpulan maklumat pelanggan dan *centralization of data* ini dilihat satu penambahbaikan dan hasil intergrasi yang signifikan memandangkan lokaliti KPSK yang pelbagai di seluruh Malaysia.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_T01\\_TB05\\_20241\\_Bukti - US Adobe.pdf](#)
2. [B0082\\_T01\\_TB05\\_20242\\_Kolej Pengajian Seni Kreatif Merangkul Juara Keseluruhan WIRASA UiTM 2023 – UiTM News Hub.pdf](#)
3. [B0082\\_T01\\_TB05\\_20243\\_Bukti - SAF.pdf](#)
4. [B0082\\_T01\\_TB05\\_20244\\_Bukti - Hady.pdf](#)
- 5.



## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Mekanisme telah digunakan oleh Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) untuk mengukur pencapaian pelajar dalam usaha memperkasa pembangunan mereka adalah dengan menggunakan Performance Indicator (PI) HEP KPSK. Secara individu, pelajar akan dinilai keseluruhan melalui pencapaian PLOA di dalam akademik, seraya memberikan indikator terhadap pencapaian insaniah. Untuk menggalakkan potensi pelajar, galakan untuk penyertaan di dalam pelbagai pertandingan dan seterusnya penghargaan adalah satu mekanisme yang penting bagi memastikan momentum pelajar. Pelajar juga diberikan platform untuk membuat cadangan atau aduan melalui laman sesawang dan akaun media sosial KPSK. Segala penglibatan pelajar di dalam aktiviti di dalam mahupun di luar kuliah akan direkodkan oleh pensyarah yang bertanggungjawab, seterusnya dihasilkan di dalam bentuk pelaporan penuh, yang menjawab kepada PI HEP KPSK. Bagi aduan serta cadangan, hasil aduan dan cadangan tersebut akan dipantau oleh moderator aduan dan dibentangkan di dalam mesyuarat kaji semula pengurusan atau mesyuarat pengurusan sebagai penambahbaikan. Untuk membudayakan praktis pelajar yang proaktif dan dinamik, penghargaan kepada pelajar seperti penganugerahan dekan dan hebahan dilakukan utnuk meningkatkan lagi visibiliti seterusnya niali tambah pelajar.

## **4.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

### **Pelajar KPSK di Lanskap Industri**

Pelbagai mekanisme telah digunakan oleh Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) untuk mengukur pencapaian pelajar dalam usaha memperkasa pembangunan mereka. Salah satu pendekatan utama adalah dengan melibatkan pelajar dalam pertandingan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Kejayaan dalam pertandingan ini menjadi penanda aras keberkesanan program yang dianjurkan oleh kolej. Selain itu, statistik aktiviti pelajar yang direkodkan sepanjang tahun 2023 digunakan sebagai alat untuk menilai pencapaian pelajar dalam pelbagai kategori seperti Akademik, Budaya, Kepimpinan, dan Keusahawanan.

Pencapaian pelajar turut diukur melalui pencapaian Performance Indicators (PI) yang telah ditetapkan oleh HEP dan Masmed sepanjang tahun 2023. Laporan pencapaian ini dikemukakan secara sukuan, membolehkan pemantauan berterusan dan penilaian yang tepat terhadap kemajuan pelajar. Selain itu, penglibatan pelajar dalam program dan inisiatif yang dianjurkan oleh KPSK, seperti projek keusahawanan dan inovasi teknologi, turut menjadi ukuran penting. Setiap program ini mempunyai PI tersendiri yang membantu dalam menilai keberhasilan pelajar dalam aspek yang berbeza (**Bukti 1**).

Tambahan pula, penglibatan pelajar dalam aktiviti seni dan budaya, termasuk penyertaan dalam pertandingan seperti 13th UOB: Painting of the Year dan Piala Malaysia Doodle Art, menjadi indikator penting dalam menilai pencapaian pelajar. Ini mencerminkan bukan sahaja penguasaan kemahiran artistik, tetapi juga kemampuan mereka untuk bersaing di peringkat tertinggi. Di samping itu, penglibatan aktif dalam kelab dan persatuan yang berdaftar di bawah HEP UiTM turut diambil kira dalam menilai pencapaian pelajar, terutamanya dalam mengembangkan kemahiran kepimpinan dan keusahawanan mereka. Statistik mengenai persatuan dan kelab yang aktif di KPSK menunjukkan usaha berterusan dalam meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum, yang seterusnya membantu dalam pemerkasaan kemahiran insaniah dan keusahawanan mereka.

Dalam usaha mencapai matlamat ini, KPSK juga telah melaksanakan beberapa inisiatif utama. Antaranya ialah penubuhan 20 kelab persatuan yang berdaftar di bawah BHEP UiTM, serta pelaksanaan Key Initiatives (KI) melalui kursus-kursus akademik dan kelab persatuan pelajar. Inisiatif-inisiatif ini, termasuk program pembangunan keusahawanan dan kepimpinan yang dijalankan setiap suku tahun, dirancang untuk memastikan pencapaian PI yang ditetapkan. Pelbagai program yang melibatkan 258 aktiviti sepanjang tahun tersebut turut dijalankan di bawah kategori Akademik, Kepimpinan, dan Keusahawanan. Selain itu, pelajar juga dilibatkan dalam proses penulisan dan pengurusan kriteria AKNC, memberikan mereka pengalaman praktikal dalam pengurusan pengetahuan dan analisis data. Inisiatif lain seperti GRADUATION ROADMAP INITIATIVE dan CCA STUDENT PRENEUR dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran pelajar dan mempersiapkan mereka untuk dunia profesional. Pengajian Seni Persembahan turut memainkan peranan penting dengan menganjurkan lebih daripada 29 aktiviti yang merangkumi bengkel, persembahan, dan program ilmiah serta kerohanian, yang kesemuanya bertujuan untuk memperkasa pelajar dalam pelbagai aspek.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_A01\\_AB02\\_20241\\_Main.pdf](#)

### **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Aktiviti pelajar yang dijalankan oleh Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) memberikan nilai tambah yang ketara kepada pelajar, terutamanya dalam aspek keusahawanan dan kepimpinan. Aktiviti seperti pertandingan, program khidmat masyarakat, dan program keusahawanan tidak hanya memberi impak dalam pembentukan kemahiran pelajar, tetapi juga menambah nilai dalam pembangunan sahsiah mereka. Sebagai contoh, penyertaan dalam program seperti Pemantapan Destini Siswa, Program Prihatin Dekan HEP bersama Pelajar KPSK, dan lawatan lapangan ke RAL Plantation Kuala Kangsar menunjukkan bagaimana aktiviti-aktiviti ini menyumbang kepada peningkatan kemahiran insaniah dan nilai keusahawanan pelajar. Tambahan pula, pencapaian pelajar diukur melalui pencapaian Performance Indicators (PI) pada setiap suku tahun, di mana setiap aktiviti yang disertai oleh pelajar dinilai berdasarkan rubrik yang telah ditetapkan.

Program-program dalam kategori Keusahawanan, Kepimpinan, dan program persatuan juga direka untuk memperkasakan kemahiran insaniah pelajar serta membina sifat keusahawanan dalam diri mereka. Pelajar turut mendapat manfaat daripada penglibatan dalam pertandingan antarabangsa seperti Pertandingan Tarian Antarabangsa di Korea Selatan dan Festival Antarabangsa SIPA dan BIPA di Indonesia, yang menambah nilai kepada pengalaman mereka dan memberikan pendedahan antarabangsa. Aktiviti yang diselenggarakan oleh kelab seperti Jewellery & Metalworks Club dan Industrial Design Student Society (iDeSS) juga memberikan nilai tambah melalui kemahiran praktikal yang diterapkan dan penekanan kepada sifat keusahawanan. Aktiviti-aktiviti ini menyokong pelaksanaan Key Initiatives (KI) yang bertujuan untuk membina kemahiran insaniah dan kepimpinan pelajar. Penglibatan pelajar dalam projek-projek seperti CCA'S 'A' STAR STUDENTS dan CREATIVE INDUSTRY INTERNATIONAL BRANDING menyokong perkembangan kemahiran insaniah dan keusahawanan mereka, yang penting dalam mempersiapkan mereka untuk dunia profesional. Data yang diperoleh mengenai aktiviti persatuan dan kelab yang aktif di KPSK dalam bentuk laporan menunjukkan bagaimana aktiviti-aktiviti ini menyumbang kepada peningkatan kemahiran kepimpinan dan keusahawanan pelajar, khususnya melalui penglibatan dalam pelbagai program dan aktiviti yang mengasah kemahiran kreatif dan teknikal mereka (**Bukti 1, 2, 3, 4**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_A01\\_AB03\\_20241\\_PELAPORAN PI21- Jan 2023 \(1\).pdf](#)
2. [B0082\\_A01\\_AB03\\_20242\\_PELAPORAN PI22\\_CSR TIKTOKPRENEUR \(1\).pdf](#)
3. [B0082\\_A01\\_AB03\\_20243\\_Pelaporan PI022 I-Mines2023 - KPSK - Okt 2023 \(1\).pdf](#)
4. [B0082\\_A01\\_AB03\\_20244\\_Pelaporan PIID2023 - PI022 \(1\).pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pensyarah di Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) secara aktif mengenal pasti peluang untuk melibatkan pelajar dalam pelbagai pertandingan dan program yang dapat meningkatkan kemahiran mereka. Pencapaian pelajar dalam program ini sering kali digunakan sebagai contoh bagi menunjukkan bagaimana usaha pensyarah membawa impak besar kepada pembangunan kemahiran pelajar. Sebagai contoh, penyertaan pelajar dalam pertandingan seperti kategori Akademik dan Keusahawanan bukan sahaja mencerminkan kecekapan pensyarah dalam mengenal pasti peluang, tetapi juga menunjukkan peningkatan pencapaian Performance Indicators (PI) melalui penyertaan pelajar dalam program yang dikendalikan oleh HEP dan Masmed. Salah satu contoh yang menonjol ialah penyertaan pelajar dalam pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (**Bukti 1**), yang menunjukkan bagaimana pensyarah mengidentifikasi dan memaksimumkan peluang untuk pelajar bersaing di peringkat global. Meskipun dokumentasi penglibatan pensyarah dalam mengenal pasti pertandingan untuk pelajar mungkin tidak secara langsung dinyatakan, penyertaan pelajar dalam proses penulisan dan pengurusan data boleh dianggap sebagai sebahagian daripada usaha berstruktur yang memberikan impak besar kepada pembelajaran mereka. Dengan pendekatan yang sistematis ini, pensyarah di KPSK berjaya mengarahkan pelajar ke arah pencapaian yang lebih tinggi, di samping memastikan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam pertandingan tersebut. Keberjayaan pelajar dilaporkan di dalam mesyuarat pengurusan untuk mengenalpasti dinamik pelajar dan bakat di dalam mencungkil potensi jaya diri pelajar (**Bukti 2**).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20241\\_Bukti - Hady.pdf](#)
2. [B0082\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20242\\_12 REPORT AKT PELAJAR IKUT PENGAJIAN.pptx.pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pengurusan risiko dalam pencapaian PI di KPSK dijalankan melalui pemantauan berkala dan tindakan susulan yang berterusan untuk memastikan sebarang risiko yang mungkin menghalang pencapaian PI dapat dikenalpasti dan ditangani. Ini termasuk pemantauan program yang dilaksanakan untuk memastikan setiap aktiviti dijalankan dengan selamat dan berkesan. Di KPSK, pengurusan risiko dilaksanakan oleh staf akademik dan pentadbiran sepanjang perancangan dan pelaksanaan program pelajar, dari peringkat awal hingga post-event. Ini memastikan bahawa sebarang risiko yang mungkin timbul dapat dikenalpasti dan ditangani dengan segera. Pengurusan risiko juga merangkumi pemantauan berterusan oleh ketua-ketua kriteria dalam laporan AKNC, memastikan setiap aspek laporan dilaksanakan dengan baik dan mengurangkan risiko ketidaktepatan atau kekurangan dalam laporan. Pendekatan ini membantu dalam mengawal risiko yang mungkin timbul, seterusnya memastikan kejayaan program dan pencapaian PI yang ditetapkan (**Bukti 1**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20241\\_Daftar Risiko.pdf](#)

#### **4.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Analisis keberkesanan program yang dijalankan oleh KPSK dilakukan secara berkala, dengan laporan sukuan pencapaian PI digunakan sebagai asas untuk mencadangkan penambahbaikan yang diperlukan. Data statistik aktiviti yang menunjukkan bilangan dan jenis aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun turut dianalisis untuk mengenalpasti keberkesanan program.

Pelaporan aktiviti secara menyeluruh dalam bentuk pelaporan penulisan juga menjadi satu pembudayaan bagi tindakan penambahbaikan. (**Bukti 1, 2, 3, 4**).

Setiap aduan yang diterima juga dianalisis untuk sebarang penambahbaikan. Justeru itu, ruang aduan dijadikan lebih *accesible* bagi bukan sahaja warga tetapi masyarakat umum demi penambahbaikan dari semasa ke semasa (**Bukti 2**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20241\\_PELAPORAN PI21- Jan 2023 \(1\).pdf](#)
2. [B0082\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20242\\_PELAPORAN PI22\\_CSR TIKTOKPRENEUR \(1\).pdf](#)
3. [B0082\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20243\\_Pelaporan PI022 I-Mines2023 - KPSK - Okt 2023 \(1\).pdf](#)
4. [B0082\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20244\\_Pelaporan PIID2023 - PI022 \(1\).pdf](#)
5. [B0082\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20245\\_Rumusan CCA a-aduan 2023 \(1\).pdf](#)

#### **4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Bagi membudayakan lagi semangat sinergi dan jati diri di kalangan pelajar, penghargaan kepada pelajar yang cemerlang dilakukan dari semasa ke semasa, melalui hebahan serta penganugerahan (e.g. Deans' Award Conservatory of Music DACOM). (**Bukti 1**). Selain itu, pelajar juga diberikan sijil penghargaan sebagai satu penghargaan rasmi terhadap segala kejayaan mereka (**Bukti 2**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_A01\\_AB05\\_20241\\_DACOM.pdf](#)
2. [B0082\\_A01\\_AB05\\_20242\\_Contoh sijil dan kejayaan.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) berusaha untuk mengurus dan merancang program pembangunan pelajar yang memberikan kesan besar melalui tadbir urus yang cekap. Panduan utama untuk perancangan ini bersandarkan kepada Perancangan Strategik Kolej 2022. Aktiviti ini bertujuan mencapai 10 Penunjuk Prestasi (PI) HEP KPSK yang ditetapkan oleh universiti, termasuk aktiviti seperti SULAM (Service Learning Malaysia-University for Society), Keusahawanan, Kesukarelawan, Kepimpinan, Inovasi, e-Sukan, dan Kemahiran Komunikasi. Perancangan program atau aktiviti pelajar melibatkan dua pendekatan: pengintegrasian dalam kursus akademik atau melalui jawatankuasa pentadbiran HEP berdasarkan keperluan portfolio koordinator HEP. Bagi program yang wujud daripada kursus akademik, kelulusan untuk mengatur program di bawah kursus perlu diperoleh daripada Dekan Akademik sebelum pelaksanaan berikutnya dapat dilaksanakan. Untuk menjalankan program melalui kursus, diperlukan jawatankuasa pelaksana yang terdiri daripada penasihat pensyarah kursus serta pelajar kursus yang terlibat. Perancangan program dan aktiviti melalui kursus akademik melibatkan perbincangan dan mesyuarat di peringkat jabatan/bidang pengajian. Pensyarah kursus yang bertindak sebagai penasihat program perlu berhubungan dengan ketua pelajar kursus untuk menyediakan dokumentasi mengikut Standard Operation Procedure (SOP) HEP KPSK. KPSK menyampaikan maklumat perancangan strategik melalui perbincangan dalam talian yang boleh diakses melalui saluran YouTube KPSK. Laman web Hal Ehwal Pelajar KPSK menjadi pusat maklumat yang mudah diakses oleh pensyarah dan pelajar untuk mendapatkan prosedur serta aliran kerja berkaitan pembangunan pelajar. Beberapa program dijalankan melalui kerjasama akademik dan bukan akademik dengan industri, komuniti, dan alumni seperti yang dinyatakan dalam dokumen MoU/MoA/Lol dengan pejabat ICAN KPSK. Kerjasama ini menambah nilai kepada pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan pengiktirafan program. Pentadbiran KPSK memberikan penekanan kepada komunikasi dua hala melalui pemberitahuan rasmi melalui e-mel HEP KPSK dan panggilan telefon dalam situasi kecemasan. Mesyuarat diadakan antara staf pentadbiran HEP, pihak Pengurusan Tertinggi KPSK, dan Dekan bersama pelajar untuk memastikan pengurusan dan perancangan HEP KPSK disampaikan dengan cekap agar perancangan dan pelaksanaan program berjalan dengan lancar. KPSK memberikan penghargaan kepada jawatankuasa program pembangunan pelajar dengan mengeluarkan surat kelulusan program atas nama pensyarah yang memimpin program dan memberikan sijil penghargaan kepada pelajar/peserta yang berjaya. Melalui usaha ini, KPSK berharap dapat memberi motivasi kepada pensyarah dan pelajar untuk merancang dan mengurus program pelajar dengan lebih efisien demi mencapai matlamat universiti dan memberikan pengalaman yang bermakna kepada pelajar yang terlibat khususnya. KPSK juga memberi penekanan kepada aspek pengurusan risiko kerana ia penting bagi memastikan sebarang kelemahan atau kekangan dapat dikawal, dipantau serta dikaji agar boleh dijadikan panduan kepada KPSK dalam program-program yang dirancang pada masa hadapan. Justeru, maklumbalas daripada pemegang taruh (stakeholders) adalah penting dalam menyokong usaha kawalan kualiti yang berterusan (Quality Continuous Improvement).

## **5.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

Kolej Pengajian Seni Kreatif (KPSK) telah beroperasi pada 03 Februari 2022. Seajar dengan pengoperasian baru ini, Pengurusan Sumber Manusia memainkan peranan penting dalam memacu kejayaan KPSK. Pengurusan sumber manusia yang terancang adalah penting dalam memastikan kecekapan sesebuah organisasi berada ditahap yang optimum. Pengurusan Sumber Mausia beroperasi dengan 7 lokasi yang berbeza (Kampus Shah Alam - Kompleks Ilham, Menara SAAS, CMThub, Kampus Seksyen 17, Kampus Jalan Othman, Kampus Puncak Perdana, Kampus Puncak Alam). Pengurusan Kanan KPSK sentiasa memastikan Pengurusan Sumber Manusia KPSK bersama dalam menggerakkan dan menjayakan setiap aktiviti yang dirancang. Bahagian Sumber Manusia KPSK terlibat secara langsung dari segi penglibatan staf akademik dan staf sokongan dalam perancangan dan penyediaan program kemahiran, dan pengetahuan melalui aktiviti pembangunan pelajar anjuran jabatan, kelab atau persatuan dengan kelulusan Bahagian Hal Ehwal Pelajar KPSK. Penasihat kelab atau persatuan, atau mana-mana staf yang terlibat secara lansung dengan program dan aktiviti pelajar di pilih melalui persetujuan mesyuarat dalaman jabatan masing-masing yang dimintikan, dan diberi surat lantikan rasmi yang ditanda tangani oleh Ketua Bidang. Bagi program Digital and Imaging Art Festival (DIA Fest 2023) Sambutan Maulidur Rasul Semarak Cinta Nabi, Pertandingan Inovasi - Penang International Innovation, Invention and Design (PIID2023) dan PSG Jewellery Design Competition 2023, Bahagian Sumber Manusia KPSK terlibat secara lansung dari segi penglibatan dan mobiliti staf akademik dan staf sokongan dalam keperluan pengurusan kemudahan penempatan, logistik dan kewangan bagi program yang berlansung di luar kampus UiTM Selangor, terutama bagi program luar negara. **(Bukti 1)**

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_S01\\_SB02\\_20241\\_carta HEP KPSK.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### **5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia sentiasa menyokong dan terlibat dengan perancangan KPSK melalui unit Hal Ehwal Pelajar dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan terutamanya para mahasiswa dapat disampaikan dengan pantas selari dengan hasrat UiTM menyediakan urus tadbir tangkas (agile) dengan pelantikan koordinator iaitu ketua kepimpinan dan pembangunan pelajar, koordinator kesejahteraan dan kebajikan pelajar, koordinator persatuan pelajar dan koordinator ketampakan dan kelestarian pelajar. Terdapat juga lantikan penyelaras di bawah unit Pembangunan Kerjaya, kaunseling, OKU dan Disiplin, Penyelaras program profesional, penyelaras pertandingan dan pengantarabangsaan dan penyelaras kemahiran insaniah, kesukarelawan dan kenegaraan bersama Unit Kaunseling & Bimbingan Kerjaya dan industri. Melalui pelantikan ini secara tidak langsung pelbagai program pembangunan dan kepimpinan pelajar dapat dianjurkan dalam memastikan nilai tambah pembangunan pelajar selaras dengan misi dan visi UiTM untuk menghasilkan graduan yang holistik dan unggul dari segi intelek, jasmani, rohani, emosi dan sosial.

Program-program seperti Finishing School diadakan untuk memberi motivasi dan bimbingan kepada pelajar KPSK sekali gus dapat menyerlahkan bakat dan kebolehan pelajar dalam memenuhi pasaran industri pada masa akan datang. Program Finishing School ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa tahun akhir khususnya bagi membuat persiapan sebelum melangkah ke alam pekerjaan. Program kolaborasi bersama yang diadakan ini diharap dapat memberi input kerjaya yang sebenar buat mahasiswa agar mereka boleh mempersiapkan diri mereka untuk memenuhi pasaran pekerjaan diluar bersesuaian dengan kelulusan dan skill yang mereka ada. Program yang menjadi platform kepada bakal graduan ini membolehkan padanan peluang pekerjaan yang bersesuaian kepada mahasiswa dari pelbagai peringkat jawatan mengikut kelayakan. Melalui program ini juga para pelajar diberi perkongsian mengenai tatacara menghadiri temuduga dan penulisan resume dengan menggunakan versi terkini agar kekal relevan dan dapat membantu pelajar dalam memberikan idea dan gambaran kreatif dalam setiap permohonan pekerjaan. Program ini telah berlangsung pada 5 Julai 2023 (Finishing School III) dengan penyertaan seramai 843 orang pelajar dan pada 11 Januari 2024 (Finishing School IV) dengan penyertaan seramai 666 orang pelajar dari pelbagai pusat pengajian dibawah KPSK. Pihak pengurusan KPSK melalui bahagian Sumber Manusia membantu dalam penyediaan ruang dan juga peruntukan kewangan bagi menjalankan program tersebut. KPSK juga menerusi Bahagian Sumber Manusia telah memaksimumkan kepakaran dan pengalaman staf akademik dan sokongan dalam mejalankan program Finishing School.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_S01\\_SB03\\_20241\\_KPSK\\_5.3 a\\_Poster Finishing School CCA III -20234.pdf](#)
2. [B0082\\_S01\\_SB03\\_20242\\_KPSK\\_5.3 b\\_Poster Finishing School CCA IV 20234.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bahagian HEP KPSK telah menyediakan borang pelaporan untuk diisi oleh penganjur atau pemohon sesudah selesainya program yang dijalankan dan langkah ini menjadi salah satu cara HEP dan KPSK mengukur kejayaan dan keberkesanan program tersebut. Ada juga program yang disemak populariti dan kepentingannya melalui jumlah kehadiran peserta dan penglibatan pihak lain seperti wakil agensi kerajaan dan swasta, industri dan alumni. Kecemerlangan program boleh juga diukur melalui hebahan di media sosial rasmi KPSK dimana pengiktirafan kejayaan staf dan pelajar diraikan dan dikongsi bersama menggunakan platform Instagram, lama sesawang dan facebook KPSK.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20241\\_KPSK\\_5.4.1-program keretapi sarong 2023.pdf](#)
2. [B0082\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20242\\_KPSK\\_5.4.2\\_programPSG.pdf](#)
3. [B0082\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20243\\_KPSK\\_5.4.3\\_prog Maulidur Rasul.pdf](#)
- 4.
- 5.

#### **5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pihak KPSK amat teliti dalam proses dan pengandalian program dan aktiviti pelajar yang juga melibatkan staf akademik dan sokongan. Setiap perancangan dilakukan megikut aliran kerja dan ketetapan yang telah disediakan oleh pihak pengurusan KPSK terutamanya Bahagian HEP. Antara perkara yang perlu dilakukan bagi memastikan program berjalan dengan lancar dan segala kemudahan dan keperluan pelajar dan staf mencukupi adalah dengan mengisi kertas kerja permohonan mengadakan program melalui laman web HEP KPSK. Permohonan yang diisi perlu lengkap dengan menyatakan tujuan, latar belakang program, objektif, implikasi kewangan, jumlah peserta, perincian program dan keperluan. Ini adalah langkah pertama dalam megenalpasti potensi risiko dalam menjalankan sesuatu program atau aktiviti. Perancangan yang baik juga dapat mengurangkan risiko kepada pelajar dan juga staf yang mengikuti dan menjalankan program. Promosi dan bahan hebahan mengenai progaram juga perlu mendapat kelulusan Ketua Bidang dan seterusnya disaring melalui Unit Korporat KPSK dimana bahan hebahan dan promosi disemak untuk memastikan kandungan dan penggunaan branding KPSK dan UiTM mengikut ketetapan yang betul dan tidak melanggar peraturan dan etika UiTM.

PSG Jewellery Design Competition 2023 (PSG 2023) adalah salah satu program kerjasama antara Jabatan Logam Kontemporari dari UiTM kampus Shah Alam dan Machang bersama Penang Goldsmith & Jewellers Assisotion (PGJA) yang melibatkan semua pelajar tahun akhir peringkat (diploma dan ijazah sarjana muda), dan staf dari jabatan itu. Selain itu program ini juga melibatkan MoU Signing diantara UiTM dengan Penang Goldsmith & Jewellers Assisotion (PGJA). Program itu dirancang dengan amat teliti dan perincian kandungan program disemak dan diluluskan pihak pengajur dan juga pihak KPSK UITM sehingga berjaya berlangsung dengan jayanya.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20241\\_KPSK\\_5.4 b\) SURAT KELULUSAN PSG Jewellery Design Competition 2023.pdf](#)
2. [B0082\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20242\\_KPSK\\_5.4.2\\_programPSG.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

#### **5.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

KPSK sentiasa berusaha untuk memperbaiki proses kerja dan prosedur sedia ada dengan efektif. Tindakan yang munasabah akan diambil bagi memenuhi keperluan pelanggan dan meningkatkan kepuasan hati pelanggan yang meliputi: a) Memperbaiki produk dan perkhidmatan supaya memenuhi keperluan dan juga bagi menentukan keperluan dan jangkaan masa depan; b) Memperbaiki, mencegah atau mengurangkan kesan yang tidak diingini c) Meningkatkan prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti Justeru, Borang Maklumbalas digunakan sebagai instrumen utama untuk mendapatkan pandangan dan persepsi pemegang taruh (industri/komuniti/alumni) terhadap penganjuran program pelajar yang dilaksanakan. Ini adalah satu usaha penambahan berterusan (Continuous Improvement) yang sangat dititikberatkan oleh KPSK. Laporan daripada maklumbalas ini dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan KPSK bagi melihat dan menimbal semula program-program pelajar. Sekiranya, program yang dilaksanakan ternyata tidak mempunyai impak positif maka program pelajar tersebut tidak akan dilaksanakan pada masa hadapan. Buat masa ini, program-program anjuran KPSK pada keseluruhannya mendapat pandangan positif dan meninggalkan impak yang baik dalam kalangan pemegang taruh. (**Bukti 1, 2**)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20241\\_Rumusan CCA a-aduan 2023 \(1\).pdf](#)
2. [B0082\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20242\\_PELAPORAN PI21- Jan 2023 \(1\).pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Penganjuran program-program pembangunan pelajar KPSK terutamanya program yang terhasil daripada kursus akademik telah memberi peluang kepada para pensyarah yang terlibat mengintegrasikan program pelajar tersebut terutamanya bengkel dan seminar dengan pendekatan Collaborative Teaching (anjuran Bahagian Hal Ehwal Akademik Universiti). Pembudayaan Collaborative Teaching dengan perancangan program-program pelajar di KPSK walaupun berada dalam tahap permulaan, ia boleh menyumbang kepada pencapaian PI yang lain iaitu PI HEA dan PI ICAN (Jaringan Industri/Komuniti/Alumni) . Standard Operation Procedure atau tatakelola pihak HEP (**Bukti 1**) yang disediakan memberi ruang kepada para pensyarah untuk melihat potensi program pelajar tersebut lebih jauh dimana pengajaran dan pembelajaran bukan hanya berada dalam ruang bilik kuliah semata tetapi juga boleh diadakan di luar bilik kuliah serta penaksiran kursus akademik pelajar juga dinilai oleh pemegang taruh yang dijemput (industri/alumni/komuniti). Kaedah Pengajaran dan pembelajaran pelajar adalah lebih luas dan terbuka (dengan lantikan pensyarah yang berkemahiran serta dikhurusukan untuk satu-satu program yang berimpak (**Bukti 2, 3**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_S01\\_SB05\\_20241\\_Tatacara permohonan aktiviti pelajar.pdf](#)
2. [B0082\\_S01\\_SB05\\_20242\\_12 REPORT AKT PELAJAR IKUT PENGAJIAN.pptx.pdf](#)
3. [B0082\\_S01\\_SB05\\_20243\\_Copy of PELAPORAN PENCAPAIAN 22.23.24.25.26 - TEMPLATE SENARAI NAMA 2023 \(1\) KPSK.xlsx - PI24\\_PPK.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

KPSK berusaha untuk mengurus dan merancang program pembangunan pelajar yang memberikan kesan besar melalui tadbir urus yang cekap. Panduan utama untuk perancangan ini bersandarkan kepada Perancangan Strategik Kolej 2023. Aktiviti ini bertujuan mencapai 10 Penunjuk Prestasi (PI) HEP KPSK yang ditetapkan oleh universiti, termasuk aktiviti seperti SULAM (Service Learning Malaysia-University for Society), Keusahawanan, Kesukarelawan, Kepimpinan, Inovasi, e-Sukan, dan Kemahiran Komunikasi. Perancangan program atau aktiviti pelajar melibatkan dua pendekatan: pengintegrasian dalam kursus akademik atau melalui jawatankuasa pentadbiran HEP berdasarkan keperluan portfolio koordinator HEP.

Bagi program yang wujud daripada kursus akademik, kelulusan untuk mengatur program di bawah kursus perlu diperoleh daripada Dekan Akademik sebelum pelaksanaan berikutnya dapat dilaksanakan. Untuk menjalankan program melalui kursus, diperlukan jawatankuasa pelaksana yang terdiri daripada penasihat pensyarah kursus serta pelajar kursus yang terlibat. Perancangan program dan aktiviti melalui kursus akademik melibatkan perbincangan dan mesyuarat di peringkat jabatan/bidang pengajian. Pensyarah kursus yang bertindak sebagai penasihat program perlu berhubungan dengan ketua pelajar kursus untuk menyediakan dokumentasi mengikut Standard Operation Procedure (SOP) HEP KPSK. KPSK menyampaikan maklumat perancangan strategik melalui penyampaian Amanat Penolong Naib Canselor KPSK pada 31 Mac 2023 melalui siaran langsung di saluran YouTube CCA UiTM Channel. Laman sesawang HEP KPSK boleh didapati menerusi laman sesawang KPSK di kpsk.uitm.edu.my. Laman sesawang ini menjadi pusat maklumat yang mudah diakses oleh pensyarah dan pelajar untuk mendapatkan prosedur serta aliran kerja berkaitan pembangunan pelajar. Beberapa program dijalankan melalui kerjasama akademik dan bukan akademik dengan industri, komuniti, dan alumni seperti yang dinyatakan dalam dokumen MoU/MoA/Lol dengan pejabat ICAN KPSK. Kerjasama ini menambah nilai kepada pengajaran dan pembelajaran serta meningkatkan pengiktirafan program.

Pentadbiran KPSK memberikan penekanan kepada komunikasi dua hala melalui pemberitahuan rasmi melalui e-mel HEP KPSK dan panggilan telefon dalam situasi kecemasan. Mesyuarat diadakan antara staf pentadbiran dan pengurusan HEP, Pengurusan Eksekutif KPSK, dan wakil MPP untuk memastikan pengurusan dan perancangan HEP KPSK disampaikan dengan cekap agar perancangan dan pelaksanaan program berjalan dengan lancar. KPSK memberikan penghargaan kepada jawatankuasa program pembangunan pelajar dengan mengeluarkan surat kelulusan program atas nama pensyarah yang memimpin program dan memberikan sijil penghargaan kepada pelajar/peserta yang berjaya. Pelaporan-pelaporan hasil dari kejayaan pelajar direkodkan oleh pejabat HEP KPSK dalam memastikan keberjayaan PI-PI yang diletakkan di bawah projek-projek strategik HEP.

Melalui usaha ini, KPSK berharap dapat memberi motivasi kepada pensyarah dan pelajar untuk merancang dan mengurus program pelajar dengan lebih efisien demi mencapai matlamat universiti dan memberikan pengalaman yang bermakna kepada pelajar yang terlibat khususnya. KPSK juga memberi penekanan kepada aspek pengurusan risiko kerana ia penting bagi memastikan sebarang kelemahan atau kekangan dapat dikawal, dipantau serta dikaji agar boleh dijadikan panduan kepada KPSK dalam program-program yang dirancang pada masa hadapan. Justeru, maklumbalas daripada pemegang taruh (stakeholders) adalah penting dalam menyokong usaha kawalan kualiti yang berterusan (Quality Continuous Improvement).

## **6.2 PENDEKATAN (APPROACH)**

KPSK sentiasa memikirkan tatakelola yang efektif dalam usaha melancarkan proses pengurusan, perancangan dan pembangunan program pelajar yang berimpak tinggi. Panduan utama yang digunakan sebagai asas perancangan dan pembangunan program pelajar KPSK adalah berlandaskan Perancangan Strategik Kolej tahun 2023. Perancangan aktiviti adalah menyasar kepada pencapaian 16 *Performance Indicator* (PI) yang telah ditetapkan oleh universiti, yang mana diletakkan di bawah nama projek seperti CCA's 'A' Star Students, CCA Patriotism & ESI-iDART Programme, CCA STudentPReneur dan CCA Global Outreach (**Bukti 6.2.1a**).

Halatuju KPSK mula digarap sempena pelaksanaan Konvensyen KPSK 2022, di mana warga akademik dan pentadbiran sama-sama memikirkan halatuju KPSK sehingga tahun 2025 berdasarkan halatuju universiti. Hasil dari Konvensyen tersebut, maka terhasillah Resolusi KPSK yang dijadikan langkah awal ke arah pencapaian PI yang diberikan kepada HEP KPSK. Pada 31 Mac 203, Pengurusan Eksekutif KPSK melaksanakan penyampaian Amanat Penolong Naib Canselor KPSK untuk menyatakan secara strategik pencapaian semasa serta halatuju KPSK melibatkan kurikulum, jaringan industri, penyelidikan serta hal ehwal pelajar (**Bukti 6.2.2a**).

Justeru itu, laman sesawang Hal Ehwal Pelajar KPSK menerusi laman sesawang KPSK bertindak sebagai One Stop Centre bagi para pensyarah dan pelajar mendapatkan maklumat penting tentang tatacara dan prosedur permohonan penganjuran program, contoh kertas kerja program, contoh laporan akhir program, Borang C (butiran program), permohonan sijil aktiviti HEP, permohonan kenderaan, dan lain-lain lagi (**Bukti 6.2.3a**).

Selain itu, pelajar -pelajar yang berminat untuk menubuhkan persatuan ataupun kelab di KPSK ini boleh merujuk di dalam laman sesawang ini di mana mereka boleh mendapatkan maklumat proses-proses untuk menubuhkan kelab dan persatuan. Keseragaman tatacara dan prosedur bagi kampus KPSK Shah Alam, Puncak Perdana dan Puncak Alam adalah penting agar kualiti pembangunan program pelajar dapat dikawalselia serta diukur dengan lebih berkesan.

Bagi memastikan kelancaran pengurusan pembangunan pelajar, HEP KPSK menggunakan saluran rasmi melalui emel yang dipantau oleh Pegawai Eksekutif (EO) dan Penolong Pendaftar HEP. Komunikasi melalui aplikasi telefon juga digalakkan sekiranya terdapat hal-hal penting yang perlu ditangani segera. Komunikasi dua hala pelbagai pihak bertujuan untuk memaklumkan tarikh-tarikh penting seperti mesyuarat kelulusan permohonan, kelulusan peruntukan TAP (Tabung Amanah Pelajar), penganjuran program dan hal-hal berkaitan pembangunan Hal Ehwal Pelajar (**Bukti 6.2.4a**).

KPSK juga mengadakan mesyuarat sebagai medium komunikasi bersemuka bersama staf pentadbiran HEP, mesyuarat pihak HEP bersama Pengurusan Tertinggi KPSK dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor dan dihadiri oleh Ketua Pengajian, Ketua Bidang dan Koordinator-koordinator. KPSK juga mengadakan mesyuarat bersama pelajar bagi mendapatkan maklumbalas atau input berkaitan pengurusan dan perancangan HEP KPSK. KPSK juga menggunakan pendekatan berupa ganjaran kepada jawatankuasa program pembangunan pelajar melalui surat kelulusan program di atas nama pensyarah yang mengetuai program pelajar, surat tersebut boleh digunakan sebagai bukti usaha pembangunan pelajar yang dilaksanakan di bawah item Student Development dalam sistem MyATP pensyarah. Manakala para pelajar /peserta diberikan sijil penghargaan di atas kejayaan program yang dilaksanakan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0082\\_O01\\_OB02\\_20241\\_KPSK\\_6.2.1\\_KPSK Operation excellence.pdf](#)
2. [B0082\\_O01\\_OB02\\_20242\\_KPSK\\_6.2b\\_SAPPProject.pdf](#)
3. [B0082\\_O01\\_OB02\\_20243\\_KPSK\\_6.2.c\\_media sosial rasmi.pdf](#)

---

4.

5.

### **6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Lazimnya, (P) perancangan program atau aktiviti pelajar terhasil daripada dua pendekatan (Delegation) iaitu melalui kursus-kursus akademik pengajian atau melalui jawatankuasa pentadbiran HEP mengikut keperluan portfolio koordinator lantikan HEP. Bagi program yang terhasil daripada kursus-kursus pengajian akademik, kelulusan bagi menganjurkan program di bawah kursus mendapat kelulusan daripada Dekan Akademik sebelum proses pelaksanaan seterusnya dapat dilakukan. Penganjuran program melalui kursus perlu menubuhkan satu jawatankuasa pelaksana yang mana terdiri daripada penasihat dalam kalangan pensyarah kursus serta para pelajar kursus yang terlibat (Empowerment).

Perancangan program dan aktiviti melalui kursus-kursus akademik perlulah melalui sesi perbincangan dan mesyuarat di peringkat jabatan/bidang pengajian kemudian pensyarah kursus yang dilantik sebagai penasihat program harus berhubungan dengan ketua pelajar kursus untuk menyediakan dokumentasi yang diperlukan mengikut Standard Operation Procedure pihak HEP KPSK (D) ( Accountability & Integrity). Pada peringkat perancangan awal ini juga, jawatankuasa program yang terlibat mengambil kira aspek-aspek seperti kesesuaian tema, kos pembiayaan, masa dan tempoh program, lokasi, potensi pemegang taruh yang akan terlibatsama (industri, komuniti dan alumni - Engagement) dan kekangan atau risiko mendatang serta impak program dirancang untuk mencapai sasaran PI yang telah ditetapkan. Setelah sesi penyediaan dokumentasi permohonan selesai disiapkan, permohonan penganjuran program pelajar tersebut pula akan dibawa ke sesi mesyuarat dan perbincangan di peringkat pengurusan kolej (C). Perbincangan pihak pengurusan ini diadakan bagi mencambahkan idea serta meneliti potensi penganjuran sesebuah program/aktiviti yang dipohon sebelum kelulusan program itu diberikan. Setelah pihak pengurusan kolej meneliti dan mencapai kata putus, Penolong Naib Canselor kolej (PNC) akan mengeluarkan surat kelulusan program.

Bagi program yang mempunyai tajaan luar, satu kertas kerja permohonan kertas tajaan harus disediakan oleh jawatankuasa program laitu pensyarah, koordinator lantikan HEP dan pelajar. Pada masa yang sama, penasihat program (pensyarah) harus memohon kelulusan daripada Rektor Kampus bagi mendapatkan tajaan luar, setelah mendapat kelulusan barulah permohonan tajaan luar dianggap sah. (A) Pada hari program/majlis, jawatankuasa program harus memastikan ruang dan fasiliti telah tersedia, hebahan program telah dilakukan, dokumentasi dan ICT tersedia, tetamu jemputan telah mengesahkan kehadiran, borang kehadiran jemputan telah disediakan serta borang maklumbalas program juga diedarkan setelah program/majlis selesai. Program pelajar seperti bengkel, webinar, sesi diskusi dan wacana, persidangan serta jaringan komuniti adalah program yang pada kebiasaannya diadakan bagi memberi peluang kepada para pelajar menimba ilmu dan pengalaman, mempamerkan kemahiran insaniah disamping mengetengahkan kolej di peringkat nasional dan global. Antara kandungan program pembangunan pelajar yang amat dititikberatkan adalah Program Latihan Industri, Program Keusahawanan, Program Kesukarelawan, Projek Inkubator, Program Kepimpinan, program yang memberi ilmu tambah kepada kursus dan sebagainya.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_O01\\_OB03\\_20241\\_KPSK\\_6.3.A\\_Contoh borang C.pdf](#)
2. [B0082\\_O01\\_OB03\\_20242\\_KPSK\\_6.3.B\\_CONTOH LAPORAN.pdf](#)
3. [B0082\\_O01\\_OB03\\_20243\\_KPSK\\_6.3.C\\_CONTOH KELULUSAN PROGRAM.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemakluman dan hebahan tentang penganjuran program pelajar amat penting bagi membantu pihak pengurusan HEP mengukur impak, kecekapan dan ketampakan (visibility) sesebuah program itu. Oleh itu, bagi setiap program pelajar yang dilaksanakan akan disusuli dengan pengedaran bahan-bahan publisiti yang telah dirancang secara berkala seperti poster, banner, bunting yang dipaparkan melalui media sosial seperti Facebook dan Instagram atau melalui hebahan aplikasi Whatsapp. Selain daripada itu, hebahan dan pemakluman bagi sesetengah program pelajar juga diwar-warkan melalui sesi temuramah ringkas di segmen televisyen seperti Selamat Pagi Malaysia (RTM) atau slot temuramah di TV Bernama (**Bukti 1**). Usaha ketampakan juga dilakukan melalui laporan berita yang disiarkan melalui media cetak seperti Berita Harian dan Utusan Malaysia. Tebaran berita dan juga bahan publisiti ini dijangka dapat memberi pendedahan kepada pemegang taruh (stakeholders) dan masyarakat umum tentang usaha KPSK untuk membangunkan para pelajar melalui program-program yang pelbagai selain daripada program berbentuk akademik. Persepsi masyarakat umum juga diambilkira melalui penulisan berita program-program pelajar begitu juga borang maklumbalas program yang diedarkan seusai perlaksanaan program. Setiap data serta maklumat yang diperolehi dinilai secara berkala dan sistematik agar dapat membantu pihak pengurusan KPSK membuat penambahbaikan (Continuous Improvement) bagi menyokong pencapaian kampus agar sentiasa berada pada tahap yang tinggi dan selari dengan perancangan KPSK. Item pengukuran utama bagi KPSK pencapaian bidang tumpuan pilihan adalah melalui peningkatan jumlah atau nilai impak sesuatu program yang dijalankan (**Bukti 2**).

#### **SENARAI BUKTI:**

- 1.
2. [B0082\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20242\\_12 REPORT AKT PELAJAR IKUT PENGAJIAN.pptx.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

#### **6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Pihak HEP memantau pengendalian risiko (Risk Management) dengan terperinci dalam usaha untuk memastikan setiap gerak kerja yang dilakukan adalah melalui prosedur yang betul seperti yang ditetapkan. Pengenalpastian risiko adalah melalui kumpulan utama berikut:

Risiko Strategik/ Risiko Operasi/ Risiko Reputasi: Risiko-risiko yang menjadi halangan untuk mencapai halatuju atau objektif pusat tanggungjawab/universiti Pihak HEP telah menyediakan tatakelola pengurusan dan perancangan dengan teratur dan sistematik bagi memastikan perancangan program pelajar mengikut SOP yang digariskan dapat mencapai halatuju dan objektif universiti. Sebagai contoh, persiapan dari segi teknikal haruslah dimulakan sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum program dilaksanakan. Strategi perancangan, operasi, reputasi adalah jelas dan telus, secara tidak langsung ia dapat memberikan impak yang positif pemegang taruh (stakeholders) terhadap KPSK dan Universiti (**Bukti 1**).

Risiko Kewangan: Risiko-risiko berkaitan keupayaan kewangan, prosedur pengurusan kewangan dan keselamatan kewangan Pihak HEP mementingkan program pembangunan pelajar yang berimpak tinggi agar penggunaan kewangan adalah lebih bermanfaat. Sebagai contoh, program yang memberikan ketampakan meluas terhadap KPSK dan universiti.

Risiko Perundangan : Risiko-risiko dari implikasi perundangan seperti perjanjian antara organisasi dan penurunan kuasa Strategi mengawal risiko dan implikasi perundangan dapat dikawal melalui kerjasama dengan Pejabat Jaringan Industri, Komuniti & Alumni KPSK, risiko yang mana pihak industri/alumni/komuniti menandatangani Memorandum Perjanjian Persefahaman MoU /Perjanjian Persetujuan MoA /Surat Niat Lol. Perjanjian secara rasmi ini dapat memberikan panduan jelas kepada kedua-dua pihak (KPSK dan industri/alumni/komuniti) untuk melaksanakan program pembangunan pelajar dengan telus.

Risiko Projek Utama: Risiko-risiko yang dijangka sepanjang tempoh pelaksanaan sesebuah projek bermula daripada proses penyediaan kertas cadangan projek sehingga projek tersebut siap dan diserahkan kepada pengguna Antara risiko yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut: (1)Tahap efisiensi pengurusan operasi bagi projek-projek jangka pendek (projek-projek bersifat Ad-Hoc/jangka masa pendek akan melibatkan pengurusan operasi yang kurang efisien) (2)Amalan birokrasi, polisi dan prosedur-prosedur yang rumit/lapuk (sesetengah projek berdepan dengan kerumitan pengurusan birokrasi UiTM dan terlebih tempoh) (3)Motivasi pada kumpulan sasar untuk menjayakan projek-projek berjangka masa panjang atau terlebih tempoh sasaran (motivasi dan momentum bekerja menurun dengan bebanan tugas hakiki) (4)Pengurusan masa dan durasi pelaksanaan (dengan jadual akademik yang padat, jumlah pelajar yang ramai serta kekangan aktiviti-aktiviti Ad-Hoc yang lain telah menyebabkan beberapa program tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancangkan)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20241\\_Daftar Risiko.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

#### **6.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

KPSK sentiasa berusaha untuk memperbaiki proses kerja dan prosedur sedia ada dengan efektif. Tindakan yang munasabah akan diambil bagi memenuhi keperluan pelanggan dan meningkatkan kepuasan hati pelanggan yang meliputi: a) Memperbaiki produk dan perkhidmatan supaya memenuhi keperluan dan juga bagi menentukan keperluan dan jangkaan masa depan; b) Memperbaiki, mencegah atau mengurangkan kesan yang tidak diingini c) Meningkatkan prestasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti Justeru, Borang Maklumbalas digunakan sebagai instrumen utama untuk mendapatkan pandangan dan persepsi pemegang taruh (industri/komuniti/alumni) terhadap penganjuran program pelajar yang dilaksanakan. Ini adalah satu usaha penambahan berterusan (Continuous Improvement) yang sangat dititikberatkan oleh KPSK. Laporan daripada maklumbalas ini dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan KPSK bagi melihat dan menimbal semula program-program pelajar. Sekiranya, program yang dilaksanakan ternyata tidak mempunyai impak positif maka program pelajar tersebut tidak akan dilaksanakan pada masa hadapan. Buat masa ini, program-program anjuran KPSK pada keseluruhannya mendapat pandangan positif dan meninggalkan impak yang baik dalam kalangan pemegang taruh (**Bukti 1**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20241\\_Keberjayaan pelajar.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

## **6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

Penganjuran program-program pembangunan pelajar KPSK terutamanya program yang terhasil daripada kursus akademik telah memberi peluang kepada para pensyarah yang terlibat mengintegrasikan program pelajar tersebut terutamanya bengkel dan seminar dengan pendekatan Collaborative Teaching (anjuran Bahagian Hal Ehwal Akademik Universiti). Pembudayaan Collaborative Teaching dengan perancangan program-program pelajar di KPSK walaupun berada dalam tahap permulaan, ia boleh menyumbang kepada pencapaian PI yang lain iaitu PI HEA dan PI ICAN (Jaringan Industri/Komuniti/Alumni) . Standard Operation Procedure atau tatakelola pihak HEP yang disediakan memberi ruang kepada para pensyarah untuk melihat potensi program pelajar tersebut lebih jauh dimana pengajaran dan pembelajaran bukan hanya berada dalam ruang bilik kuliah semata tetapi juga boleh diadakan di luar bilik kuliah serta penaksiran kursus akademik pelajar juga dinilai oleh pemegang taruh yang dijemput (industri/alumni/komuniti). Kaedah Pengajaran dan pembelajaran pelajar adalah lebih luas dan terbuka. Selain itu, dengan wujudnya prosedur dan pembudayaan yang diterapkan oleh pihak HEP KPSK, ianya mampu memberi peluang kepada pelajar untuk bersinergi melalui program-program akademik dan juga bukan akademik (**Bukti 1, 2**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0082\\_O01\\_OB05\\_20241\\_Tatacara permohonan aktiviti pelajar.pdf](#)
2. [B0082\\_O01\\_OB05\\_20242\\_Bukti - CCA OSC.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

**Hasil Utama 2 adalah berkenaan Hasil kepada Tumpuan Pelanggan**, yang mana memberi fokus kepada maklumbalas pelanggan, iaitu pelajar di dalam pembangunan pelajar melalui aktiviti kokurikulum dan akademik secara tidak langsung.

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perkhidmatan yang sistematik dan efisien merupakan aspek terpenting dalam mencapai dan mengukur hasil tumpuan pelanggan. Kolej pengajian seni kreatif sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Bagi memastikan aspek ini mencapai matlamat **kepuasan hati pelanggan**. KPSK telah mewujudkan e Aduan KPSK yang berfungsi untuk menerima, memproses, dan menyelesaikan aduan daripada pelanggan dengan lebih efisien. Data pada 2023 jelas menunjukkan bahawa platform e Aduan ini telah memberi impak yang positif dalam menyalurkan sebarang aduan dan cadangan.

KPSK sentiasa memfokuskan kepada kemenjadian pelajar yang berteraskan kepada identiti tempatan selaras dengan tema “Global Renowned Locally Rooted”. Teras utama dalam pembentukan ini adalah **aspek kepimpinan dan pembangunan pelajar**. Menerusi pentadbiran yang berkesan, Kolej Pengajian Seni Kreatif telah Berjaya menganjurkan sebanyak 260 program pada tahun 2023 berbanding 207 program pada tahun 2022, peningkatan sebanyak 25.6 peratus. Pengiktirafan pelajar di peringkat antarabangsa antara penyumbang utama kepada keberhasilan program antaranya ialah penyertaan dalam Saouth East Asean Music Leadership Initiative (SEAMLI) bertempat di Mahidol University, Thailand dan Program Kerjasama Akademik, Bengkel UiTM-ISI diantara Kolej Pengajian Seni Kreatif dan Institut Seni Indonesia, Yogyakarta. KPSK juga turut mengadakan program mobility pelajar di peringkat antarabangsa iaitu Short Term Mobility Program: Mind Transformation bertempat di Institut Seni Indonesia, Yogyakarta.

Aspek perkhidmatan **pengurusan kebijakan pelajar** juga turut menjadi tunjang utama, ini dibuktikan dengan pelbagai program dalaman melibatkan jaringan kerjasama dengan Unit Kebajikan di peringkat Universiti seperti Bahagian Zakat, Sedekah dan Wakaf ( ZAWAF), Pejabat Pentadbiran Kebajikan Pelajar dan Pejabat Kerjaya dan Kaunseling. Sasaran KPSK dalam menyediakan bantuan jangka pendek dan panjang direalisasikan dengan penganjuran aktiviti seperti Sesi Temuduga Zakat secara berpusat yang menyasarkan kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan. Sesi temuduga ini diadakan di setiap kampus cawangan iaitu kampus Puncak Alam, Puncak Perdana dan Shah Alam. Hasil dari program ini, KPSK telah mengenal pasti seramai 935 pelajar pada tahun 2023 yang layak diberi bantuan zakat.

Aspek pembentukkan jati diri pelajar turut diperkasa dengan penganjuran **aktiviti yang bersifat kemasyarakatan**. Merujuk kepada data 2023, KPSK telah cemerlang melepas sasaran iaitu berjaya menganjurkan 19 program khidmat Masyarakat yang menyasarkan pelbagai lapisan Masyarakat. Antara program yang telah memberi impak positif ialah Program Sustainable Tourism: Penambahbaikan, Perlindungan dan Pemuliharaan Biodiversity Geoforest Park, Pulau Langkawi.

**Penglibatan pensyarah dan pelajar** dalam menerajui usaha pembangunan ini amat signifikan, ini di terjemahkan dalam Projek Integrasi dan Penglibatan Masyarakat Bersama Sekolah Seni Malaysia, Johor, Program Misi Akademik: Click And Create Photography Adventure Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur dan Learning From Teaching: Music Technology in the Classroom yang berlangsung di Sekolah Kebangsaan Kota, Kampung Perah, Negeri Sembilan. Sokongan dan penglibatan KPSK dalam hasil tumpuan pelanggan lain turut dapat dilihat menerusi

kecemerlangan pensyarah dan pelajar dalam menyertai pertandingan inovasi disamping pelbagai kolaborasi projek. KPSK sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti pensyarah melalui amalan konsep berkongsi kepakaran dan pengetahuan bagi memantapkan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Hasil perkongsian kepakaran ini, KPSK telah menempa pelbagai kejayaan diperingkat nasional dan antarabangsa antaranya ialah kejayaan mendapat Gold Award dalam International Competition on Sustainable Education (SUSED2023) dan Gold Award international Hospitality & Education, Invention, Innovation and Design ( IHEID 2023) .

### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_B0082\\_HB02\\_20241\\_KPSK\\_7.1.2\\_H01\\_Tahap.pdf](#)

### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_B0082\\_HB03\\_20242\\_KPSK\\_7.1.3\\_H01\\_Tren.pdf](#)

### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_B0082\\_HB04\\_20243\\_KPSK\\_7.1.4\\_H01\\_Perbandingan.pdf](#)

### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_B0082\\_HB05\\_20244\\_KPSK\\_7.1.5\\_H01\\_Kepentingan.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

**Hasil Utama 3 adalah Hasil dari Operasi**, yang mana menjelaskan berkenaan kecekapan dan keberkesanan operasi berkaitan dengan pengurusan pembangunan pelajar.

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sebanyak lima (5) program telah dikenalpasti bagi membincangkan pencapaian dan hasil operasi bertumpukan kepada bidang kepimpinan; Pengurusan dan Pembangunan Pelajar. Dengan mengguna pakai misi "Globally Renowned University 2025 (GRU2025)", sebanyak enam belas (16) Performance Indicator (PI) telah diberikan kepada unit Hal Ehwal Pelajar KPSK (HEP) bagi tahun 2023, iaitu peningkatan jumlah PI sebanyak 62.5% dari tahun sebelumnya.

Mengikut laporan tahunan, 258 aktiviti telah didaftarkan dibawah kapasiti HEP KPSK dan berlandaskan kepada "Operational Excellence KPSK 2022", fokus utama bidang HEP KPSK adalah bertumpu kepada inisiatif "Graduan Seimbang Berciri Keusahawanan" bagi mengukuh kebolehpasaran graduan. Bertemakan sinergi, KPSK juga berhasrat untuk menerajui misi UiTM ke arah "Global Excellence: Malaysian Design and Creative Industry". Berbekalkan peruntukan kewangan yang terhad, segala proses permohonan program harus melalui pejabat HEP dan perbincangan kos perbelanjaan program akan diputuskan dengan persetujuan Jawatankuasa Tabung Amanah Pelajar (TAP) yang dijalankan pada setiap bulan. Ternyata dengan adanya jenis PI yang berbeza serta sebagai kolej yang besar, terdapat beberapa jenis proses yang agak berlainan apabila ia melibatkan jabatan luar seperti UiTM Global (UG) apabila melibatkan PI032; program pengantarabangsaan yang melibatkan mobiliti pelajar. Sebagai contoh program South East Asean Music Leadership Initiative (SEAMLI) yang bertempat di Mahidol University, seramai dua (2) orang pelajar dari pengajian Konservatori Muzik telah terpilih untuk mengikuti acara selama tiga (3). Di samping menggunakan peruntukan dari pihak HEP, permohonan juga dilakukan kepada UG bagi mendapatkan "Dana Mobiliti Pelajar" melalui tatacara permohonan yang betul dari Ketua Projek serta bantuan pegawai perhubungan UG yang dilantik dari kalangan pensyarah KPSK.

Pada Julai 2023, "Konsert Perasmian Dewan Konsert Seri Budiman "Eclecticisim" telahpun berjaya mempamerkan bakat-bakat pelajar dari Konservatori Muzik dengan penglibatan seramai 175 orang yang terdiri daripada pelajar, staf dan alumni. Penilaian telah dilakukan oleh jawatankuasa risiko Konservatori Muzik dan telah dibentangkan kepada Naib Canselor pada 20 Jun 2023 dengan mengambil kira aspek di dalam buku panduan Unit Pengurusan Risiko UiTM. Analisa senario pengajuran dan cadangan mitigasi risiko diterangkan bermula daripada fasa awal program sehingga tamat. Acara "Bengkel Muzik Bagi Konsert Irama Tradisional Negeri Sembilan" memperlihatkan penglibatan persatuan pelajar "Strings Ensemble Society (SES)" yang membuat bengkel sukarelawan bersama komuniti Kelab Teater ASAR Negeri Sembilan dengan penglibatan seramai 12 orang yang terdiri dari pelajar, staf dan alumni KPSK. Bagi program yang dianjurkan bersama rakan strategik MASMED UiTM, kemampuan para pelajar KPSK terbukti dengan kemenangan 33 orang daripada 52 orang pelajar yang menyertai program "International Millenipreneur Innovation and Commercialization Exhibition (IMiNE) 2023" dengan anugerah emas, perak dan gangsa dalam acara inovasi ini. Bagi program yang bertumpukan Service-Learning Malaysia University for Society (SULAM), pada Februari 2023 telah berlangsungnya Learning from Teaching: Music Technology in the Classroom (MUTEACH 2023) di mana para pelajar kursus Digital Teaching Strategies (kod kursus MUE613) terlibat menganjurkan bengkel penggunaan teknologi bertujuan berkongsi ilmu bersama komuniti pendidik yang terdiri daripada kalangan guru sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Matang, Taiping, Perak.

Pejabat pengurusan HEP secara langsung membantu di dalam peringkat awal perancangan,

seterusnya pelaksanaan dan pelaporan aktiviti, yang mana menjawab kepada kod projek strategik yang diamanahkan kepada HEP KPSK.

### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_B0082\\_HB02\\_20241\\_TAHAP.pdf](#)

### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_B0082\\_HB03\\_20242\\_3. Tren.pdf](#)

### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_B0082\\_HB04\\_20243\\_4. Perbandingan\\_Tanda\\_Aras.pdf](#)

### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_B0082\\_HB05\\_20244\\_5. Kepentingan.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Hasil Utama 1 adalah berkenaan Hasil kepada Perancangan Strategik, khususnya terhadap penyampaian maklumat dari pihak pengurusan kepada pelajar dari segi isu-isu berkenaan pembangunan pelajar.

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Berlandaskan tema UiTM iaitu Globally Renowned University menjelang 2025 (GRU2025) fokus utama KPSK bagi menghasilkan graduan yang seimbang dan holistik, termasuk dalam aspek keusahawanan serta keterlibatan bersama pihak industri baik di dalam maupun di luar negara. Setiap bahagian di dalam KPSK bersama-sama berganding bahu antara satu sama lain dalam memastikan misi ini dapat dicapai dengan jayanya. Selaras dengan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan UiTM untuk melahirkan graduan holistik yang berketrampilan daripada segi akademik serta kemahiran insaniah, adalah amat penting untuk memastikan para pelajar ini terlibat secara aktif dalam pelbagai program yang dianjurkan oleh pihak KPSK termasuk persatuan dan kelab pelajar. Aktiviti pelajar yang dijalankan di KPSK secara dasarnya dipetakan serta berpandu kepada dokumen seperti Pelan Strategik UiTM GRU2025, Petunjuk Prestasi (Performance Indicator(PI) UiTM 2023, CCA Operation Excellence 2022 serta Resolusi Konvensyen Hala Tuju Kolej Pengajian Seni Kreatif. Tahap pencapaian sesuatu program pelajar KPSK diukur samada melalui penglibatan di peringkat universiti, kebangsaan maupun antarabangsa. Selain itu, penglibatan bersama komuniti maupun industri juga boleh diambil kira. Padai tahun 2023, sebanyak 258 aktiviti telah direkodkan termasuk 164 aktiviti yang memenuhi keperluan aktiviti pengajian yang telah dipetakan dengan PI di bawah HEP.

Perancangan yang digariskan oleh KPSK demi mencapai kecemerlangan UiTM2025 di dalam pembangunan pelajar menumpukan kepada empat Projek Utama yang dipetakan kepada 16 PI keseluruhan. Strategi HEP KPSK kali ini berbeza di mana adanya penambahbaikan iaitu menumpukan PI-PI di bawah komponen yang serupa, dan diletakkan di bawah Ketua atau Koordinator di dalam portfolio yang sesuai. Penyasaran secara strategik ini juga akan berkait rapat dengan pelaporan yang sistematik di dalam memastikan tiadanya ketirisan pelaporan.

Terdapat tren positif juga dari segi pemerkasaan pelajar di dalam menjalankan program-program kolaborasi dengan agensi atau pihak industri di dalam dan luar negara. Inisiatif mampu memperlihatkan hasil pembentukan (outcome) pelajar kepada stakeholder yang dapat menilai prestasi pelajar yang bakal bergraduat serta mendapat tempat di industri.

Sebagai langkah strategik di dalam membuat penandaarasan di peringkat antarabangsa, KPSK giat merancakkan kolaborasi Bersama pemegang taruh lain seperti rakan MoU, Loi atau Mou melalui pejabat bahagian Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN). Contohnya, KPSK menjalankan program mobiliti inbound untuk menambahbaik pembentukan jati diri pelajar dengan mendedahkan mereka dengan suasana sosial dengan pelajar antarabangsa. Pelajar juga saling bertukar fikiran berkenaan tren animasi dan e-sport terkini di Indonesia dan Malaysia. Antara impak positif kepada perancangan strategik ini adalah; pertama, program yang dianjurkan dapat meningkatkan sinergi di kalangan pelajar dan merentas pengajian yang dapat melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif tetapi mempunyai daya saing dalam meneruskan kelestarian dan kesinambungan seni di peringkat kebangsaan maupun global. Kedua, program yang dianjurkan berjaya mencapai objektif penganjuran dan mencapai sasaran PI yang telah ditetapkan oleh pihak universiti. Ketiga, menggalakkan kerjasama industri yang

dan mempunyai ruang kepada para pelajar dalam mencapai potensi dan perpaduan kerjaya. Dan keempat, pengoptimuman ketampakan pelajar ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Semua ini adalah signifikan ke arah pembentukkan jati diri pelajar yang holistik dan madani

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_B0082\\_HB02\\_20241\\_TAHAP\\_HASIL DARI OPERASI.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_B0082\\_HB03\\_20242\\_Tren2\\_HASIL DARI OPERASI.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_B0082\\_HB04\\_20243\\_PERBANDINGAN\\_HASIL OPERASI.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_B0082\\_HB05\\_20244\\_KEPENTINGAN\\_HASIL DARI OPERASI.pdf](#)